



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 5 FEBRUARI 2024 (ISNIN)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	• DUA WARGA ASING SEMBUNYI DALAM LONGKANG ANTARA DITAHAN DALAM OP BERSEPADU • LEBIH 300 SERTAI SUBUH BERJEMAAH DI HARI TANPA KENDERAAN SUBANG JAYA • 400 KELUARGA TIONG HUA DUN KOTA KEMUNING TERIMA BAUCAR PERAYAAN • TAMAN KOMUNITI PUTRA HEIGHTS LENGKAP KEMUDAHAN, MANFAAT MASYARAKAT
2.	SELANGOR JOURNAL	• COMMUNITY BENEFITS FROM PUTRA HEIGHTS COMMUNITY PARK FACILITIES
3.	THE STAR	• OVER 500 FOREIGNERS NABBED DURING RAID AT MARKET FOR NOT HAVING VALID DOCUMENTS • FIVE RAMADAN BAZAARS TO GIVE AWAY UNSOLD FOOD
4.	SINAR HARIAN	• SANGGUP MENYOROK DUA JAM DALAM LONGKANG ELAK DICEKUP • 'ALI BABA' BERLELUASA DI PASAR BORONG SELANGOR
5.	SJ ECHO	• MY APPOINTMENTS AT MBSJ COUNCILLOR
6.	BERITA HARIAN	• 'ALI BABA' MASIH ADA DI PASAR BORONG SELANGOR • IMIGRESEN GEMPUR PASAR BORONG SELANGOR
7.	KOSMO	• 'ALI BABA' MONOPOLI PERNIAGAAN PASAR BORONG SELANGOR • SANGGUP MENYOROK DALAM LONGKANG ELAK DICEKUP IMIGRESEN
8.	HARIAN METRO	• PASAR BORONG SELANGOR DIGEMPUR LAGI
9.	TV9 (BULETIN 1.30)	• PASAR BORONG SELANGOR DIGEMPUR LAGI, 530 WARGA ASING DIPERIKSA

MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SINAR HARIAN	• BISNES "ALI BABA" BERLELUASA DI PASAR BORONG SELANGOR
2.	KOSMO	• IMIGRESEN LANCAR OPERASI BESAR-BESARAN BURU PATI DI PASAR BORONG SELANGOR, DUA JAM MENYOROK DALAM LONGKANG • 'ALI BABA' MONOPOLI PERNIAGAAN PASAR BORONG SELANGOR
3.	BERITA HARIAN	• IMIGRESEN SERBU PASAR BORONG SELANGOR
4.	THE STAR	• FIVE RAMADAN BAZAARS TO GIVE AWAY UNSOLD FOOD • RUBBISH COLLECTION

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MBPJ DBKL	• MOBILE COUNTERS • PROTECT OUR PONDS • CONCERN OVER FLOODED ROADS • PUBLIC AGAINTS SUNGAI BUNUS RETENTION POND DEGAZETEMENT • GOVERNMENT URGED TO APPOINT DEDICATED COMPANY TO OVERSEE LIFTS IN PPRs
2.	KOSMO	MPK	• MPK ANTARA 20 PBT TERBAIK NEGARA DALAM PENARAFAN BINTANG SEJAK 2008 KLANG MENUJU BANDAR RAYA DIRAJA
3.	UTUSAN MALAYSIA	MPK	• MPK ANTARA 20 PBT TERBAIK NEGARA DALAM PENARAFAN BINTANG SEJAK 2008 KLANG MENUJU BANDAR RAYA DIRAJA

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	KOSMO	• PERBAHASAN SKIM PENCEN BUKAN PERKARA BAHARU
2.	UTUSAN MALAYSIA	• GAJI RENDAH, KWSP TAK BANTU SIMPANAN HARI TUA • KERAJAAN • PERLU TAMBAH BELANJA KALAU HAPUS PENCEN • MASA DEPAN TEKNOLOGI AI DALAM MEDIA MALAYSIA
3.	BERITA HARIAN	• PENJAWAT AWAM MUDA PERLU BERINOVASI URUS KEWANGAN • PERKESO PASTIKAN KEBAJIKAN PEKERJA RENTAN TETAP TERBELA
4.	SINAR HARIAN	• KUOTA AHLI MAJLIS KUKUHKAN BN-PH • KENAKAN CUKAI PINTU KEPADA PENDUDUK KAMPUNG TIDAK ADIL • WAJARKAH TIADA SKIM PENCEN? • RINGGIT DIUNJUR MENGUKUH SEDIKIT

Dua warga asing sembunyi dalam longkang antara ditahan dalam Op Bersepadu

🕒 February 3, 2024 12:33 pm



Antara warga asing yang ditahan dalam Operasi Bersepadu di Pasar Borong Selangor, Seri Kembangan pada 3 Februari 2024. Foto BERNAMA

SERDANG, 3 FEB: Dua lelaki warga Bangladesh nekad bersembunyi lebih dua jam di dalam longkang sebelum ditahan Jabatan Imigresen dalam Operasi Bersepadu di Pasar Borong Selangor, Seri Kembangan di sini yang dijalankan bermula 3 pagi tadi.

Seorang daripada lelaki itu berkata dia takut dengan kehadiran anggota imigresen dan agensi keselamatan lain dan terus melarikan diri sebelum mengambil keputusan melompat ke dalam longkang terbabit.

Ketika pemeriksaan, seorang daripada mereka memiliki pasport namun permit kerja tamat tempoh dan hanya terhad untuk bekerja dalam sektor pembinaan manakala seorang lagi mempunyai dokumen pendaftaran program rekalisasi (program khas meregularisasikan pendatang tanpa izin di negara ini sebagai pekerja asing yang sah digajikan oleh majikan tertakluk kepada syarat-syarat ketat).

Pengarah Imigresen Selangor Khairul Aminus Kamaruddin yang menyertai operasi itu berkata pihaknya memeriksa 530 warga asing terdiri daripada 504 lelaki dan 26 wanita.

"Daripada jumlah itu, warga Myanmar paling ramai diperiksa dengan 277 orang, Bangladesh (94), India (72), Indonesia (39), Nepal (15), Sri Lanka (sembilan), Pakistan (enam) dan seorang warga Vietnam.

"Kesemua tahanan akan disiasat mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak memiliki dokumen sah dan Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 kerana telah tinggal lebih masa," katanya.

Jumlah keseluruhan pendatang tanpa izin yang ditahan dalam operasi itu masih belum dapat disahkan susulan pihak imigresen masih lagi menyemak dokumentasi setiap orang yang diperiksa.

Operasi yang berakhir 6 pagi itu turut melibatkan Pasukan Gerakan Am (PGA), Polis Diraja Malaysia, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Selangor serta Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ).

Difahamkan pendatang tanpa izin yang ditahan itu dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Jabatan Imigresen Selangor dan akan ditempatkan di Depot Tahanan Imigresen Semenyih.

Sementara itu, Datuk Bandar Subang Jaya Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim berkata pihaknya mengesan lebih 10 tapak niaga atau lesen perniagaan rakyat tempatan dijual kepada warga asing (ali baba) yang menyumbang kepada lambakan dan monopoli perniagaan warga asing terbabit.

Beliau berkata kawasan yang diduduki penaja warga asing ini sering dilihat tidak terjaga dan kotor hingga boleh menjejaskan kesejahteraan masyarakat dan keharmonian di sesuatu kawasan itu.

"Pemantauan berkala akan terus dijalankan dan tindakan tegas akan diambil iaitu lesen ditarik balik sekiranya peniaga didapati menjual lesen mereka kepada warga asing," katanya.

- BERNAMA

SELANGORKINI ONLINE
TARIKH: 05 FEBRUARI 2024

Lebih 300 sertai Subuh berjemaah di Hari Tanpa Kenderaan Subang Jaya

by Sheeda Fathil 0 February 4, 2024 1:30 pm



Datuk Bandar Subang Jaya Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim melepaskan peserta basikal ketika program Hari Tanpa Kenderaan Subang Jaya di Taman Komuniti Putra Heights, Subang Jaya pada 4 Februari 2024. Foto FIKRI YUSOF/ SELANGORKINI

SUBANG JAYA, 4 FEB: Lebih 300 jemaah menjayakan kempen 'Geng Subuh Macam Jumaat' menerusi penganjuran Hari Tanpa Kenderaan Subang Jaya di sini hari ini.

Datuk bandarnya berkata program berkenaan bermula jam 6 pagi di Masjid Putra Heights dan diteruskan di Taman Komuniti Putra Heights dengan lebih 1,000 peserta.

Menurut Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim, program tersebut mendapat sambutan memberangsangkan meskipun penganjuran kali pertama di lokasi baharu.

"Sebelum ini ia dianjurkan di pekarangan Subang Parade, tahun ini kita beralih angin ke Taman Komuniti Putra Heights.

"Insya-Allah, melihat kemeriahan hari ini kita cadang untuk anjurkan lagi di sini pada 12 Mei, 4 Ogos dan 20 Oktober depan," katanya ketika merasmikan taman rekreasi berkenaan.



Persembahan seni silat harimau ketika program Hari Tanpa Kenderaan Subang Jaya dan perasmian Taman Komuniti di Taman Komuniti Putra Heights, Subang Jaya pada 4 Februari 2024. Foto FIKRI YUSOF/ SELANGORKINI

Mohd Fauzi juga mengalu-alukan penyertaan komuniti setempat sekiranya ada yang berminat untuk berniaga mahupun mengadakan pameran pada program akan datang.

Pelbagai aktiviti baharu diperkenal antaranya sukan rakyat seperti congkak, lari dalam guni dan sepakan penalti berkain pelikat atau batik.

Selain itu, cabaran sepak raga bulatan, demonstrasi kawalan jauh (RC helicopter), eco free market dan eco explore serta demonstrasi t-baton dan persembahan silat.

Aktiviti biasa ialah kayuhan santai (urban 30 kilometer ride), pertandingan memanah, mewarna, aktiviti larian dan berjalan, bazar sarapan, pasar karloot, perkhidmatan kaunter bergerak hasil Majlis Bandaraya Subang Jaya.

SELANGORKINI ONLINE
TARIKH: 05 FEBRUARI 2024

ADN SELANGOR

400 keluarga Tiong Hua DUN Kota Kemuning terima baucar perayaan

by Sheeda Fathil February 4, 2024 4:30 pm



Ahli Dewan Negeri Kota Kemuning Preakas Sampunathan berucap ketika program Hari Tanpa Kenderaan MBSJ dan perasmian Taman Komuniti di Taman Komuniti Putra Heights, Subang Jaya pada 4 Februari 2024. Foto FIKRI YUSOF/SELANGORKINI

SHAH ALAM, 4 FEB : Seramai 400 keluarga Tiong Hua di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Kemuning menerima baucar beli-belah sempena Tahun Baharu Cina.

Wakil rakyatnya S Preakas berkata sumbangan RM200 daripada Kerajaan Negeri itu bagi meringankan beban mereka dalam membuat persiapan menyambut perayaan.

"Tahun ini kita mendapat kerjasama daripada Pasaraya Mydin Sri Muda untuk penerima membeli-belah barangan keperluan sebagai persiapan Tahun Baharu Cina.

"Semoga dengan sumbangan ini sedikit sebanyak meringankan beban sekali gus dapat meraikan perayaan dengan gembira,"katanya.

Terdahulu beliau menghadiri Majlis Perasmian Taman Komuniti Putra Heights, Subang Jaya dan Hari Tanpa Kenderaan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) di sini hari ini.



Datuk Bandar Subang Jaya Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim (tengah) dan Ahli Dewan Negeri Kota Kemuning Preakas Sampunathan (tiga, kanan) merasmikan program Hari Tanpa Kenderaan MBSJ dan Taman Komuniti di Taman Komuniti Putra Heights, Subang Jaya pada 4 Februari 2024. Foto FIKRI YUSOF/SELANGORKINI

Bagi meraikan kaum Tiong Hua, Preakas berkata pihaknya turut menganjurkan rumah terbuka Tahun Baharu Cina di Gelanggang Bola Keranjang Kota Kemuning petang ini.

Beliau turut mempelawa penduduk berhampiran hadir memeriahkan rumah terbuka itu yang berlangsung dari jam 5.30 petang hingga 8.30 malam ini.

Sebelum ini, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata tahun ini Kerajaan Negeri menyediakan 23,900 baucar Jom Shopping sempena sambutan Tahun Baharu Cina melibatkan dana RM4.78 juta.

Belanjawan Selangor 2024 memperuntukkan RM16.48 juta bagi baucar Jom Shopping meliputi 82,400 penerima ketika sambutan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina dan Deepavali.

Syarat permohonan antaranya pendapatan isi rumah bagi penerima manfaat bawah RM3,000 sebulan.

SELANGORKINI ONLINE
TARIKH: 05 FEBRUARI 2024

PBT SELANGOR

Taman Komuniti Putra Heights lengkap kemudahan, manfaat masyarakat

by Sheeda Fathil February 4, 2024 8:30 pm



Datuk Bandar Subang Jaya Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim (tengah) dan Ahli Dewan Negeri Kota Kemuning Preakas Sampunathan merasmikan program Hari Tanpa Kenderaan MBSJ dan Taman Komuniti di Taman Komuniti Putra Heights, Subang Jaya pada 4 Februari 2024. Foto FIKRI YUSOF/SELANGORKINI

SUBANG JAYA, 4 FEB: Taman Komuniti Putra Heights seluas 3.07 hektar dirasmikan hari selepas siap dibina Disember lalu dengan kos RM3.2 juta.

Datuk Bandarnya Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim berkata projek Sime Darby Property itu mampu memanfaatkan masyarakat di Putra Heights dan pengunjung luar.

"Fasiliti lengkap yang terdapat di taman ini juga seiring dengan visi Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) untuk menjadi sebuah bandar raya mampan dan bestari," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan taman rekreasi berkenaan bersekaian dengan Hari Tanpa Kenderaan Subang Jaya edisi pertama 2024 di sini hari ini.



Kanak-kanak gembira bermain belon sabun ketika program Hari Tanpa Kenderaan Subang Jaya di Taman Komuniti Putra Heights, Subang Jaya pada 4 Februari 2024. Foto FIKRI YUSOF/SELANGORKINI

Taman tersebut dilengkapi kemudahan seperti papan tanda, permainan kanak-kanak, alatan senaman mesra warga emas dan laluan pejalan kaki sepanjang 1,042 meter di lingkungan dalam dan luar.

Selain itu, terdapat tempat rehat, meja dan kerusi, dataran, arca dan padang berumput untuk aktiviti bermain layang-layang.

Ia juga dijangka menjadi salah satu taman komuniti tumpuan di kawasan Putra Heights selepas Taman Rekreasi Putra Height (linear park) dan Taman Kejiranan Putra Bestari 2, Putra Heights (taman 10,000 langkah).

Sementara itu, Ahli Dewan Negeri Kota Kemuning S Preakas menyambut baik inisiatif Sime Darby dan MBSJ mewujudkan taman berkenaan.

"Terima kasih kerana ia secara tidak langsung memberi kemudahan dan manfaat kepada penduduk di sini untuk beriadah.

"Saya juga ingin mencadangkan MBSJ menjadikan Putra Heights sebagai modal perbandaran lestari dan mampan sesuai dengan suasana yang bersih, strategik dan teratur," katanya.

SELANGORKINI ONLINE
TARIKH: 05 FEBRUARI 2024



Community benefits from Putra Heights Community Park facilities,

🕒 February 4, 2024 11:02 pm



Subang Jaya Mayor Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim (centre) and Kota Kemuning State Assemblyman S. Preakas officiating at the MBSJ Vehicle Free Day at the Putra Heights Community Park in Subang Jaya on February 4, 2024. — Picture by FIKRI YUSOF/SELANGORKINI

by Sheeda Fathil

SUBANG JAYA, Feb 4— The 3.07 hectare Putra Heights Community Park was inaugurated the day after it was completed last December at a cost of RM3.2 million.

Subang Jaya mayor Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim said the Sime Darby Property project would benefit the community in Putra Heights and other visitors.

"The facilities in the park are in line with the vision of the Subang Jaya City Council (MBSJ) to become a sustainable city," he said after inaugurating the recreational park in conjunction with the first Subang Jaya Car Free Day 2024 here today.

The park is equipped with facilities such as signage, children's games, senior-friendly exercise equipment and 1,042 meters of walking paths in the inner and outer circles.

In addition, there are rest areas, tables and chairs, squares, sculptures and grass fields for kite-flying.

It is also expected to become one of the focal points of the Putra Heights area after the Putra Heights Recreation Park (linear park), Putra Bestari Neighborhood Park 2 and 10,000 steps park.

Meanwhile, Kota Kemuning State assemblyman S Preakas welcomed the Sime Darby and MBSJ initiative to create the park.

"Thank you because it indirectly provides convenience and benefits to the residents here for recreation.

"I would also like to suggest that MBSJ make Putra Heights a sustainable municipal capital in accordance with its clean, strategic and orderly atmosphere," he said.

Over 500 foreigners nabbed during raid at market for not having valid documents



A TOTAL of 530 foreigners were caught for not having valid travel documents during a joint raid by several government agencies at the Selangor Wholesale Market in Seri Kembangan in the early hours of Saturday (Feb 3).

"The raid was carried out to check licensed premises that were flouting the conditions of their licenses, such as hiring foreigners that were working without proper permits," said the Subang Jaya City Council (MBSJ) Corporate And Strategic Management Department

"There are 384 lots allocated for the sale of raw ingredients at the market. The Selangor Wholesale Market is not managed by MBSJ but is the responsibility of Selangor Agricultural Development Corporation (PKPS)," it added in a statement.

It said that the council regularly monitors and carries out enforcement operations at the market.

"Eleven operations were conducted since 2019 and a total of 161 compounds were issued for various offences on matters under the local authority's purview."

It involved a total of 313 personnel from agencies such as Selangor Immigration Department, MBSJ, Serdang District Police Headquarters, General Operations Force, Malaysian Civil Defence Force and Selangor National Registration Department.

The raid was led by Selangor Immigration director Khairul Aminus Kamaruddin. Also present was Subang Jaya mayor Datuk Mohd Fauzi Mohd Yatim.

"The immigrants that were detained were brought to the Selangor Immigration Department's Enforcement Section office," said the council.

"All detainees will be investigated for committing an offence under Section 6(1)(c) of the Immigration Act 1959/ 63 for not having any valid documents and Section 15(1)(c) of the Immigration Act 1959/ 63 for having overstayed on various passes," it added.

MBSJ said it viewed seriously the issue of business licences or trading sites being sold by locals to foreigners.

"This 'Ali Baba act' is often seen as contributing to the monopoly of businesses by foreigners," said the council.

"The areas occupied by the immigrants are often unkempt and dirty, to the extent that they could affect the well-being and environment of the communities living there," it added.

THE STAR ONLINE

TARIKH: 05 FEBRUARI 2024

Five Ramadan bazaars to give away unsold food



What A Waste collecting unsold food from the USJ4 Ramadan bazaar to be distributed to welfare homes and B40 communities in Subang Jaya last year. — Filepic

THE Subang Jaya City Council (MBSJ) plans to channel unsold food from five Ramadan bazaars in the city to the poor.

"We will continue the initiative at the USJ4 Ramadan bazaar done last year and expand to four other locations," said MBSJ Licensing Department director Nik Zalina Megat.

Last year, MBSJ collaborated with What A Waste (WAW), a social enterprise that rescues surplus food and distributes it to marginalised communities.

The excess unsold food was given to B40 communities and welfare homes located close to the bazaar site at Jalan USJ 4/5.

Nik Zalina said there would be an increase in the number of trading lots and traders at this year's Ramadan bazaars.

"There are 1,560 trading lots and 1,167 traders this year, compared to 1,508 trading lots and 1,144 traders last year," she said, adding that there would be 25 locations across six zones this time around.

"Streamlining measures have also been implemented for better site management and traffic flow.

"For example, the Puchong Prima Ramadan bazaar was relocated from Jalan Prima 5/1 to Jalan Prima 1 to address traffic flow problems."

Nik Zalina said traders who were unsuccessful in getting a spot at their preferred locations would be allowed to appeal and take up available lots at other locations.

Subang Jaya deputy mayor Zulkurnain Che Ali said MBSJ was making an effort to legalise and offer licences to roadside stalls in villages during the Ramadan period to better manage such traders, especially in terms of traffic.

Subang Jaya mayor Datuk Mohd Fauzi Mohd Yatim said the city council would continue implementing the same guidelines and initiatives at all Ramadan bazaars under its purview.

These included banning polystyrene packaging and plastic straws, encouraging customers to bring their own food containers and ensuring no structures such as tents and tables were left overnight by traders.

They were speaking after MBSJ's first full board meeting for 2024, which was held at the council's headquarters in USJ5, Subang Jaya.

Mohd Fauzi also announced that MBSJ's first Car-Free Day programme yesterday was held at a new location – Taman Komuniti Putra Heights in Jalan Putra Mahkota 7/4, Putra Heights.

"We want to do it at a new location to reach out to different communities," he said.

MBSJ's other Car-Free Day programmes are scheduled for May 12, Aug 4 and Oct 20.

THE STAR ONLINE

TARIKH: 05 FEBRUARI 2024

Sanggup menyorok dua jam dalam longkang elak dicekup

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI [Follow](#) 03 Februari 2024 08:06am Masa membaca: 4 minit



Warga Bangladesh antara yang ditahan ketika bersembunyi di dalam longkang semasa operasi pihak berkuasa di Pasar Borong Selangor, pada Sabtu.

SERI KEMBANGAN - Sanggup bersembunyi dalam longkang kononnya dapat mengelak daripada dicekup pihak berkuasa ketika operasi besar-besaran di Pasar Borong Selangor, di sini, pada Sabtu.

Tindakan pekerja asing terbabit hanya menjerat diri apabila taktik lapuk itu berjaya dikesan anggota Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Selangor hasil pemeriksaan teliti dilaksanakan biar pun operasi hampir tamat.

Dua pekerja asing itu dipercayai bersembunyi lebih dua jam selepas kepungan kira-kira jam 3 pagi dilakukan anggota imigresen dengan kerjasama Pasukan Gerakan Am (PGA) Polis Diraja Malaysia (PDRM).



Antara warga asing yang ditahan semasa operasi di Pasar Borong Selangor, pada Sabtu.

Ketika ditahan, salah seorang lelaki Bangladesh berusia lingkungan 40-an itu mendakwa tindakannya kerana bimbang ditahan pihak berkuasa.

"Saya cuma takut.

Saya tak lakukan apa-apa kesalahan.

Tadi saya lari terus sorok dalam longkang," katanya.

SINAR HARIAN ONLINE
TARIKH : 05 FEBRUARI 2024

Sanggup menyorok dua jam dalam longkang elak dicekup

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI [Follow](#) 03 Februari 2024 08:06am Masa membaca: 4 minit




Antara warga asing yang ditahan semasa operasi di Pasar Borong Selangor, pada Sabtu.

Bagaimanapun, pemeriksaan dokumen yang dilakukan Pengarah Imigresen Selangor, Khairul Aminus Kamaruddin terhadap lelaki Bangladesh itu mendapati dia tinggal lebih masa selepas pas lawatannya tamat pada Jun tahun lalu.

Malah, permit kerjanya juga untuk sektor pembinaan.

Menurut Khairul Aminus, Operasi Bersepadu berkenaan dijalankan dengan kerjasama Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Selangor serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).



Khairul Aminus (tengah) hadir dalam operasi di Pasar Borong Selangor, pada Sabtu.

"Kita memeriksa 530 orang warga asing termasuk 11 wanita.

"Hasil pemeriksaan mendapati antara kesalahan yang dikesan ialah tiada pas sah, salah guna pas serta tinggal lebih masa," katanya kepada pemberita selepas operasi di sini pada Sabtu.

Tegasnya, tindakan diambil di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63, Seksyen 15(1)(c) akta yang sama serta Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963

Turut hadir ialah Datuk Bandar MBSJ, Datuk Mohd Fauzi Mohd Yatim.

Tinjauan Sinar Harian di lokasi mendapati rata-rata gerai menjadi 'sepi' terutama yang menjalankan perniagaan jualan hasil laut seperti ikan, udang dan sotong.

Beberapa gerai jualan sayur-sayuran juga kelihatan tidak teratur dipercayai akibat tindakan pekerja asing terbabit yang lari lintang-pulang selepas menyedari kehadiran pihak berkuasa.

Bukan itu sahaja, terdapat juga pekerja asing di pasar borong itu yang mengaku konon sebagai pengunjung selain tindakan yang menyeberang jalan besar untuk meloloskan diri.

SINAR HARIAN ONLINE
TARIKH : 05 FEBRUARI 2024

'Ali Baba' berleluasa di Pasar Borong Selangor

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI [Follow](#) 03 Februari 2024 08:34am Masa membaca: 4 minit



Mohd Fauzi (dua dari kiri) menjalankan pemeriksaan dengan diringi Pengarah Imigresen Selangor, Khairul Aminus Kamaruddin di Pasar Borong Selangor pada Sabtu.

SERI KEMBANGAN - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mengenal pasti lebih 10 premis gerai warga tempatan di Pasar Borong Selangor di sini telah dijual kepada warga asing.

Datuk Bandar MBSJ, Datuk Mohd Fauzi Mohd Yatim berkata, kegiatan menjual tapak atau lesen pemiagaan oleh rakyat tempatan kepada warga asing seperti sistem 'Ali Baba' sering dilihat menyumbang kepada lambakan dan monopoli pemiagaan warga asing.



Mohd Fauzi (empat dari kanan) menunjukkan antara dokumen yang diperiksa dalam Operasi Bersepadu di Pasar Borong Selangor pada Sabtu.

Menurutnya, merujuk kepada data MBSJ, terdapat 384 petak niaga bagi kategori pemiagaan bahan mentah di lokasi berkenaan.

"MBSJ sering menjalankan pemantauan dan operasi penguatkuasaan di lokasi ini, sebanyak 11 operasi dijalankan sejak dari tahun 2019 dan sebanyak 161 Notis Tawaran Kompaun (NTK) dikeluarkan atas pelbagai kesalahan di bawah kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Kita kesan ada belasan gerai yang menjual lesen kepada warga asing dan MBSJ telah mengenal pasti pemiliknya untuk tindakan pembatalan lesen pemiagaan," katanya selepas Operasi Bersepadu di sini pada Sabtu.

Operasi bermula jam 3 pagi itu turut melibatkan Jabatan Imigresen Selangor, Pasukan Gerakan Am (PGA) Polis Diraja Malaysia, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Selangor.

Jelas Mohd Fauzi, operasi seperti itu dilaksanakan bagi memeriksa premis berlesen yang melanggar syarat-syarat pelesenan seperti menggunakan pekerja pendatang asing tanpa izin (PATI).

Tambahnya, bukan itu sahaja, kawasan yang diduduki penjaja warga asing juga didapati tidak terjaga dan kotor hingga boleh menjejaskan kesejahteraan masyarakat serta keharmonian di sesuatu kawasan itu.

"Pemantauan berkala akan terus dijalankan dari masa ke masa dan tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang didapati melanggar peraturan serta syarat-syarat ditetapkan," ujarnya.

SINAR HARIAN ONLINE
TARIKH : 05 FEBRUARI 2024

My Appointment as MBSJ Councillor

By **Teoh** - February 5, 2024




MBSJ MPP Zone 1

Beyond the Headlines with

A.B. Naicker

Having just taken the helm as councillor for MPP Zone 1 which covers SS12-SS19 and Wangsa Balduri, Naicker shares his thoughts and vision for the neighbourhood he lives in.

www.sjecho.com.my



By Balachandran Naicker

I accepted my nomination as a councillor for Zone 1 in Majlis Bandaraya Subang Jaya and took the oath to serve on 18th January 2024. Having served in the **Jawatan Kuasa Penduduk/Majlis Perwakilan Penduduk (JKP/MPP)** since 2009, I am familiar with the local council, the manner the council delivers its service, the various *Yang DiPertua* who had served the council and the subtle changes that they had made to the service levels of the council. But I always felt that there was a lot more that needed doing and pushed for these wherever and whenever the opportunity presented itself.

I had always been very keen to help the community in whatever manner that I can. In school, I was very active in the **Interact Club** of my school. In High School, Muar, working closely with the Rotary Club of Muar to provide *Service Above Self*, as our motto requires of us. Later in life I had become a member of the Rotary Club of Petaling Jaya and served in various capacities until my work pressures dictated that I could no longer spend time with community work.

My Appointment as MBSJ Councillor

By **Teoh** - February 5, 2024



As a trained Civil/Structural Engineer and a registered Professional Engineer with the **Institution of Engineers Malaysia (IEM)** and the Board of Engineers Malaysia (BEM), with a wide spectrum of working experience in *Urban Flood Alleviation, Geographical Information Systems (GIS) , Computer Aided Engineering, Ground Modelling, Vehicle Tracking Systems (using GPS), Data Logging Systems for Vehicles, Electronic Road Tax, etc., besides the bread and*

butter building construction using the latest Building Systems, I am always on the lookout for deficiencies/problems with public infrastructure, service level deliveries and management methods, traffic planning, town planning, etc., that can potentially lead to problems later, always with the view that our residents deserve better and a higher standard of service.

When our ADUN, Michelle Ng asked me if I could serve as a City Councillor in Subang Jaya, I felt honoured by the request and agreed, albeit with some trepidation. But on reflection, I decided that perhaps this would be an opportunity for me to provide the service to the community from within the City Council. During our induction as incoming councillors, I was indeed very encouraged by the exhortation by our *Datuk Bandar* Dato Mohd Fauzi Mohd Yatim that councillors should endeavour to provide service in a proactive manner – and I intend to do just that.

Pasar Borong Selangor digempur lagi



ANGGOTA JIM Selangor memeriksa warga asing dalam serbuan Op Bersepadu di Pasar Borong Selangor, awal pagi tadi. FOTO Raja Noraina Raja Rahim

Serdang: Pasar Borong Selangor di sini, yang menjadi tumpuan warga asing terutama Myanmar dan Bangladesh untuk bekerja dan terbabit perniagaan, terus digempur Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Dalam serbuan terbaru, pihak berkuasa JIM Selangor menerusi Op Bersepadu menyerbu pasar borong berkenaan awal pagi ini.

Dalam serbuan kira-kira jam 3 pagi, sekumpulan pendatang asing tanpa izin (Pati) bertindak 'menggadai nyawa' dengan melintas jalan utama ketika kenderaan sedang bergerak bagi mengelak ditahan pihak berkuasa.

Selain itu, dua warga asing turut bersembunyi di dalam longkang besar, namun berjaya dikesan pasukan operasi.

Pengarah JIM Selangor, Khairul Aminus Kamaruddin berkata, operasi dijalankan dengan kerjasama Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Selangor serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

"Kita memeriksa seramai 530 warga asing termasuk 11 wanita.

"Hasil pemeriksaan mendapati kebanyakan warga asing itu melakukan kesalahan dokumen perjalanan diri yang sah, menyalahguna pas serta tinggal lebih masa," katanya kepada pemberita selepas operasi berkenaan.

Turut hadir Datuk Bandar MBSJ, Datuk Mohd Fauzi Mohd Yatim.

Khairul berkata, pihaknya akan menjalankan siasatan mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63, Seksyen 15(1)(c) akta sama dan Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Katanya, kesemua yang ditahan dibawa ke Pejabat JIM Selangor untuk pemeriksaan dan siasatan lanjut.

Disiarkan pada: Februari 3, 2024 @ 9:31am

Imigresen gempur Pasar Borong Selangor

Raja Noraina Raja Rahim - Februari 3, 2024 @ 12:14pm

bhnews@bh.com.my



Pegawai Imigresen memeriksa warga asing dalam Op Bersepadu di Pasar Borong Selangor, awal pagi tadi. - NSTP/Raja Noraina Raja Rahim

SERDANG: Pasar Borong Selangor di sini, yang menjadi tumpuan warga asing, terutama Myanmar dan Bangladesh untuk bekerja dan terbabit dalam perniagaan, terus digempur Jabatan Imigresen.

Serbuan terbaharu awal pagi ini digerakkan Jabatan Imigresen Selangor menerusi Op Bersepadu dengan kerjasama beberapa agensi lain.

Ia turut disertai Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Selangor serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Dalam gerakan kira-kira jam 3 pagi, sekumpulan pendatang asing tanpa izin (PATI) bertindak 'menggadal nyawa' dengan melintas jalan utama ketika kenderaan sedang bergerak bagi mengelak ditahan pihak berkuasa.

Selain itu, dua warga asing turut bersembunyi dalam longkang besar, namun berjaya dikesan pasukan operasi.

Pengarah Imigresen Selangor, Khairul Aminus Kamaruddin, berkata seramai 530 warga asing, termasuk 11 wanita diperiksa dalam operasi berkenaan.




Antara warga asing yang ditahan dalam Operasi Bersepadu di Pasar Borong Selangor hari ini. - Foto BERNAMA

Imigresen gempur Pasar Borong Selangor

Raja Noraina Raja Rahim - Februari 3, 2024 @ 12:14pm

bhnews@bh.com.my



Penguat kuasa Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Selangor menahan warga asing ketika Operasi Bersepadu bersama pelbagai agensi di Pasar Borong Selangor hari ini. - Foto BERNAMA

"Hasil pemeriksaan mendapati kebanyakan warga asing itu melakukan kesalahan dokumen perjalanan, salah guna pas serta tinggal lebih masa," katanya kepada pemberita selepas operasi berkenaan.

Turut hadir, Datuk Bandar MBSJ, Datuk Mohd Fauzi Mohd Yatim.

Khairul Aminus berkata, pihaknya akan menjalankan siasatan mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63, Seksyen 15(1)(c) akta sama dan Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Katanya, kesemua yang ditahan dibawa ke Pejabat Jabatan Imigresen Selangor untuk pemeriksaan dan siasatan lanjut.



Penguat kuasa Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Selangor menahan warga asing ketika Operasi Bersepadu bersama pelbagai agensi di Pasar Borong Selangor hari ini. - Foto BERNAMA



Sebahagian warga asing yang ditahan dalam Operasi Bersepadu di Pasar Borong Selangor hari ini. - Foto BERNAMA

BERITA HARIAN ONLINE
TARIKH: 05 FEBRUARI 2024

'Ali Baba' masih ada di Pasar Borong Selangor

Raja Noraina Raja Rahim - Februari 3, 2024 @ 12:27pm

bhnews@bh.com.my



Datuk Bandar MBSJ, Datuk Mohd Fauzi Mohd Yatim dan Pengarah Imigresen Selangor, Khairul Aminus Kamaruddin (tengah) turut serta dalam Op Bersepadu di Pasar Borong Selangor, hari ini. - Foto NSTP/Raja Noraina Raja Rahim

SERDANG: Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mengesan masih wujud kegiatan menyewakan tapak dan lesen perniagaan kepada warga asing di Pasar Borong Selangor, di sini.

Secara keseluruhan, terdapat sebanyak 384 tapak perniagaan bahan mentah di pasar itu dan lebih 10 gerai dikesan diusahakan peniaga warga asing.

Datuk Bandar MBSJ, Datuk Mohd Fauzi Mohd Yatim, berkata perbuatan warga tempatan menyewakan tapak dan lesen perniagaan kepada warga asing atau 'Ali Baba' itu menyumbang kepada lambakan dan monopoli perniagaan warga asing.

"Secara keseluruhan terdapat sebanyak 384 tapak perniagaan bahan mentah di pasar itu. Kita kesan ada belasan gerai yang memberi lesen kepada warga asing atau 'Ali Baba'.

"Kita akan mengenal pasti pemiliknya untuk tindakan pembatalan lesen," katanya selepas **Op Bersepadu** di pasar berkenaan, hari ini.

Operasi digerakkan bersama Jabatan Imigresen Selangor, Pasukan Gerakan Am (PGA), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Selangor.



Penguat kuasa Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Selangor menahan warga asing ketika Operasi Bersepadu bersama pelbagai agensi di Pasar Borong Selangor hari ini. Operasi Bersepadu berkenaan dijalankan dengan kerjasama Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Selangor serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). - Foto BERNAMA

Beliau berkata, MBSJ sering menjalankan pemantauan dan operasi penguatkuasaan di lokasi itu bagi memastikan aktiviti 'Ali Baba' tidak berleluasa.

Untuk rekod, katanya, sebanyak 11 operasi dijalankan sejak 2019 dan 161 Notis Tawaran Kampaun (NTK) dikeluarkan atas pelbagai kesalahan di bawah kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT).

Operasi hari ini, katanya, turut memeriksa premis yang melanggar syarat lesen seperti menggunakan pekerja warga asing.

"Pemantauan berkala akan dijalankan dan tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana individu yang didapati melanggar peraturan dan syarat ditetapkan," katanya.

BERITA HARIAN ONLINE

TARIKH: 05 FEBRUARI 2024

'Ali Baba' monopoli perniagaan Pasar Borong Selayang

Oleh TUAN NURHIDAYAH TUAN AB.GHANI 3 Februari 2024, 11:36 am



Penguat kuasa Imigresen menahan warga asing ketika operasi bersepadu bersama pelbagai agensi Foto : KOSMO! / SADDAM YUSOFF

SERDANG – Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mengesan lebih 10 premis gerai milik warga tempatan di Pasar Borong Selangor, di sini, telah dijual kepada warga asing untuk menjalankan perniagaan mereka.

Datuk Bandar MBSJ, Datuk Mohd Fauzi Mohd Yatim berkata, pihaknya tidak mahu fenomena warga asing bekerja menggunakan lesen diberikan warga tempatan malah dan bertegas untuk membatalkan lesen berkenaan.

"MBSJ sentiasa mengambil serius dalam setiap isu bandar raya dimana kegiatan menjual tapak atau lesen perniagaan dilihat sering menyumbang kepada lambakan dan monopoli perniagaan warga asing.

"Masalah ini berpunca daripada sikap peniaga tempatan yang mempunyai lesen kemudian di 'Ali Baba' kepada warga asing. Dapat lesen daripada majlis maka meniadalah, jangan bagi kepada pihak lain.

"Dalam tempoh tiga bulan, kita akan pastikan usaha Pasar Borong Selangor ini bebas daripada peniaga warga asing tanpa dokumen yang sah," ujarnya dalam sidang akhbar ketika Operasi Bersepadu, Seri Kembangan, di sini, pagi tadi.

Operasi bermula jam 3 pagi itu turut melibatkan Jabatan Imigresen Selangor, Pasukan Gerakan Am (PGA) Polis Diraja Malaysia, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Selangor.

Berpandukan kepada data disediakan oleh MBSJ, terdapat 384 petak niaga bagi kategori perniagaan bahan mentah di lokasi tersebut.

Jelas Mohd Fauzi, operasi ini juga dilaksanakan bagi memeriksa premis berlesen yang melanggar syarat-syarat pelesenan seperti menggunakan pekerja pendatang asing tanpa izin (PATI).

"MBSJ sering menjalankan pemantauan dan operasi penguatkuasaan di lokasi ini, sebanyak 11 operasi dijalankan sejak dari tahun 2019 dan sebanyak 161 Notis Tawaran Kompau (NTK) dikeluarkan atas pelbagai kesalahan di bawah kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT)," jelasnya.

Tambahnya, kawasan yang diduduki penjaja warga asing juga didapati tidak terjaga dan kotor hingga boleh menjejaskan kesejahteraan masyarakat serta keharmonian di sesuatu kawasan itu.

"Pemantauan berkala akan terus dijalankan dari masa ke masa dan tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang didapati melanggar peraturan serta syarat-syarat ditetapkan," ujarnya. -KOSMO! ONLINE.

KOSMO ONLINE

TARIKH: 05 FEBRUARI 2024

Sanggup menyorok dalam longkang elak dicekup Imigresen

Oleh TUAN NURHIDAYAH TUAN AB.GHANI 3 Februari 2024, 11:42 am



Dua lelaki gagal menyelamatkan diri apabila taktik penyembunyian mereka dikesan pihak berkuasa.

SERDANG – Dua pekerja pasar borong warga asing sanggup menahan bau kurang enak dan bersembunyi di dalam longkang kira-kira satu meter gara-gara tidak mahu dicekup Jabatan Imigresen (JIM) dalam serbuan di Pasar Borong Selangor, Seri Kembangan, di sini, pagi tadi.

Bagaimanapun, taktik penyembunyian dua warga Bangladesh itu dapat dikesan apabila penguat kuasa melakukan pemeriksaan di dalam longkang berkenaan hampir pukul 6 pagi tadi.

Mereka dipercayai bersembunyi lebih dua jam selepas serbuan dilaksanakan bermula pukul 3 pagi oleh anggota imigresen dan Pasukan Gerakan Am (PGA) Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Apabila ditanya oleh Pengarah Imigresen Selangor, Khairul Aminus Kamaruddin, salah seorang daripada mereka mendakwa mereka sangat takut sehingga terpaksa berbuat demikian.

"Kalau kamu semua ada dokumen, passport maka tiada apa, Imigresen tidak jahat," ujarnya selepas lelaki itu mendakwa mempunyai dokumen lengkap.

Hasil pemeriksaan mendapati, tempoh pas lawatan lelaki Bangladesh berbaju merah itu sudah tamat pada Jun tahun lalu bahkan permit kerjanya juga untuk sektor pembinaan.

Sementara itu, salah seorang anggota memberitahu media bahawa segelintir warga asing sempat melarikan diri sejurus melihat kenderaan penguat kuasa masuk ke pekarangan pasar borong berkenaan.

Mengulas lanjut mengenai Operasi Bersepadu pagi tadi, Khairul Aminus berkata, operasi dijalankan dengan kerjasama Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Selangor serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Dalam serbuan pagi ini, pemeriksaan dijalankan ke atas seramai 530 warga asing termasuk 11 wanita terdiri daripada warga Myanmar, Indonesia, Nepal, Sri Lanka, Vietnam, Pakistan, Bangladesh dan Indonesia.

"Hasil pemeriksaan mendapati kesalahan yang dikesan adalah melibatkan tiada pas yang sah, salah guna pas serta tinggal lebih masa.


"Tindakan diambil di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63, Seksyen 15(1)(c) akta yang sama serta Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963," katanya ketika sidang akhbar, di sini, pagi tadi.

Tegasnya, operasi seperti ini akan berterusan di seluruh Malaysia dan pihaknya juga mengesan lebih 20 lokasi hotspot ditetapkan di Selangor.

"Selain kawasan hotspot itu, kita akan giat melaksanakan operasi seperti ini di premis-premis kecil," jelasnya. -KOSMO! ONLINE.

KOSMO ONLINE

TARIKH: 05 FEBRUARI 2024



JABATAN IMIGRESEN | Pasar Borong Selangor Digempur Lagi, 530 Warga Asing Diperiksa Sumber: TV3 #imigresen #jim #kdnmadani...



TV3 (BULETIN 1.30)

TARIKH: 05 FEBRUARI 2024

Bisnes 'ali baba' berleluasa di Pasar Borong Selangor

84 4/2
(M&J)



Mohd Fauzi (kanan) menjalankan pemeriksaan dengan diiringi Pengarah Imigresen Selangor, Khairul Aminus Kamaruddin di Pasar Borong Selangor pada Sabtu.

SERI KEMBANGAN - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mengenal pasti lebih 10 premis gerai warga tempatan di Pasar Borong Selangor, di sini, telah dijual kepada warga asing.

Datuk Bandar MBSJ, Datuk Mohd Fauzi Mohd Yatim berkata, kegiatan menjual tapak atau lesen perniagaan oleh rakyat tempatan kepada warga asing sebagai 'ali baba' ini sering dilihat menyumbang kepada lambakan dan monopoli perniagaan warga asing.

Menurutnya, merujuk kepada data MBSJ, terdapat 384 petak niaga bagi kategori perniagaan bahan mentah di lokasi ini.

"MBSJ sering menjalankan pemantauan dan operasi penguatkuasaan di lokasi ini di mana sebanyak 11 operasi telah dijalankan sejak dari tahun 2019 dan sebanyak 161 Notis Tawaran Kompau (NTK) telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan di bawah kuasa pihak berkuasa tempatan.

"Kita kesan ada belasan gerai yang menjual lesen kepada warga asing atau ali baba ini dan MBSJ telah mengenal pasti pemiliknya untuk tindakan pembatalan lesen berniaga," katanya selepas Operasi Bersepadu di sini pada Sabtu.

Operasi bermula jam 3 pagi itu turut melibatkan Jabatan Imigresen

Selangor, Pasukan Gerakan Am Polis Diraja Malaysia, Ibu Pejabat Polis Daerah Serdang, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara Selangor.

Jelas Mohd Fauzi, operasi itu dilaksanakan bagi memeriksa premis berlesen tetapi melanggar syarat-syarat pelesenan seperti menggunakan pekerja pendatang asing tanpa izin (PATI).

Tambahnya, bukan itu sahaja, kawasan yang diduduki penjaja warga asing itu juga didapati tidak terjaga dan kotor hingga boleh menjejaskan kesejahteraan masyarakat dan keharmonian di sesuatu kawasan itu.

SINAR HARIAN

Tarikh: 05 FEB 2024

Imigresen lancar operasi besar-besaran buru PATI di Pasar Borong Selangor

Kosmo
4/2 (MBSJ)

Dua jam menyorok dalam longkang

Oleh **TUAN NURHIDAYAH**
TUAN AB. GHANI

SERDANG - Dua pekerja asing sanggup menahan bau busuk dengan bersembunyi di dalam longkang sedalam kira-kira satu meter gara-gara mahu mengelak daripada dicekup Jabatan Imigresen (JIM) dalam serbuan yang melakukan pemeriksaan di dalam Pasar Borong Selangor, Seri Kembangan di sini semalam.

Bagaimanapun, taktik dua lelaki warga Bangladesh itu dapat dikesan oleh penguat kuasa yang melakukan pemeriksaan di dalam longkang berkenaan pada pukul 6 pagi.

Mereka dipercayai bersembunyi lebih dua jam selepas serbuan dilakukan bermula pukul 3 pagi oleh anggota imigresen dan Pasukan Gerakan Am (PGA) dari Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Pengarah Imigresen Selangor, Khairul Aminus Kamaruddin berkata, salah seorang daripada warga asing itu mendakwa mereka ketakutan sehingga sanggup bersembunyi dalam longkang.

"Kalau kamu semua ada dokumen dan pasport, tiada apa yang perlu ditakutkan. Imigresen tidak jahat," katanya selepas lelaki itu mendakwa mempunyai dokumen lengkap.

Bagaimanapun, hasil pemeriksaan mendapati, tempoh pas awatan lelaki Bangladesh itu sudah tamat dan permit kerjanya uga untuk sektor pembinaan.

Sementara itu, salah seorang anggota memberitahu media bahawa segelintir warga asing sempat melarikan diri seurus



ATAS: Sebahagian warga asing tanpa permit yang ditahan dalam operasi bersepadu bersama pelbagai agensi di Pasar Borong Selangor di Seri Kembangan semalam.
- SADDAM YUSOFF

KANAN: Warga asing tanpa pengenalan sah yang ditahan dikumpulkan mengikut kewarganegaraan.

melihat kenderaan penguat kuasa memasuki pekarangan pasar borong berkenaan.

Mengulas lanjut mengenai Operasi Bersepadu itu, Khairul Aminus berkata, operasi dijalankan dengan kerjasama Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD)



“

Selain kawasan hotspot itu, kita akan giat melaksanakan operasi seperti ini di premis-premis kecil.”

KHAIRUL AMINUS

Serdang, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Selangor serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Dalam serbuan itu, seramai 530 warga asing termasuk 11 wanita terdiri daripada warga Myanmar, Indonesia, Nepal, Sri Lanka, Vietnam, Pakistan dan Bangladesh ditahan.

“Hasil pemeriksaan mendapati kesalahan yang dikesan adalah melibatkan tiada pas sah, salah guna pas serta tinggal lebih masa. Tindakan diambil di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63, Seksyen 15(1)(c) akta yang sama serta Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963,” katanya ketika sidang akhbar.

Tegasnya, operasi seperti ini akan terus dilakukan di seluruh negara dan pihaknya juga mengesan lebih 20 lokasi ‘panas’ di Selangor.

“Selain kawasan ‘panas’ itu, kita akan giat melaksanakan operasi seperti ini di premis-premis kecil,” jelasnya.

KOSMO

Tarikh: **05 FEB 2024**

'Ali Baba' monopoli perniagaan Pasar Borong Selayang

SERDANG - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mengesan lebih 10 premis gerai milik warga empatan di Pasar Borong Serdang, Seri Kembangan, di sini, telah dijual kepada warga asing untuk mereka menjalankan perniagaan.

Datuk Bandar MBSJ, Datuk Mohd. Fauzi Mohd Yatim berkata, pihaknya tidak mahu fenomena tersebut berlaku dalam kalangan warga asing dan bertegas mengambil tindakan untuk membatalkan lesen berkenaan.

"MBSJ sentiasa mengambil serius dalam setiap isu bandar raya li mana kegiatan menjual tapak atau lesen perniagaan dilihat sering menyumbang kepada lamakan dan monopoli perniagaan warga asing.

"Masalah ini berpunca daripada sikap peniaga tempatan yang mempunyai lesen kemudian di



JABATAN Imigresen dan beberapa agensi terlibat menjalankan operasi bersepadu di Pasar Borong Selangor di Seri Kembangan, Serdang semalam.

'Ali Baba' kepada warga asing. Dapat lesen daripada majlis maka menyalah, jangan bagi kepada

pihak lain.

"Dalam tempoh tiga bulan, kita akan pastikan usaha Pasar

Borong Selangor ini bebas daripada peniaga warga asing tanpa dokumen yang sah," ujarnya dalam sidang akhbar ketika Operasi Bersepadu, di sini, awal pagi semalam.

Operasi bermula jam 3 pagi itu turut melibatkan Jabatan Imigresen Selangor, Pasukan Gerakan Am (PGA) Polis Diraja Malaysia, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Selangor.

Berpanduan kepada data disediakan oleh MBSJ, terdapat 384 petak niaga bagi kategori perniagaan bahan mentah di lokasi tersebut.

Jelas Mohd. Fauzi, operasi ini juga dilaksanakan bagi memeriksa premis berlesen yang melanggar syarat-syarat pelesenan seperti menggunakan

pekerja pendatang asing tanpa izin (PATT).

"MBSJ sering menjalankan pemantauan dan operasi penguatkuasaan di lokasi ini. Setakat ini, sebanyak 11 operasi dijalankan sejak dari tahun 2019 dan 161 Notis Tawaran Kompaun (NTK) dikeluarkan atas pelbagai kesalahan di bawah kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT)," jelasnya.

Tambahnya, kawasan yang diduduki penjaja warga asing juga didapati tidak terjaga dan kotor sehingga boleh menjejaskan pemandangan dan kebersihan kawasan berkenaan.

"Pemantauan berkala akan terus dijalankan dari masa ke masa dan tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang didapati melanggar peraturan serta syarat-syarat ditetapkan," ujarnya.

KOSMO

05 FEB 2024

Tarikh:

Imigresen serbu Pasar Borong Selangor

BH 4/2
(MBSJ)

530 warga asing termasuk 11 wanita diperiksa dalam Op Bersepadu

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
bhnews@bh.com.my

Serdang: Pasar Borong Selangor di sini, yang menjadi tumpuan warga asing, terutama Myanmar dan Bangladesh untuk bekerja dan terbabit dalam perniagaan, terus digempur Jabatan Imigresen.

Serban terbaharu awal pagi semalam digerakkan Jabatan Imigresen Selangor menerusi Op Bersepadu dengan kerjasama beberapa agensi lain.

Ia turut disertai Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Selangor serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Dalam gerakan kira-kira jam 3 pagi, sekumpulan pendatang asing tanpa izin (PATI) bertin-

dak 'menggadi nyawa' dengan melintas jalan utama ketika kenderaan sedang bergerak bagi mengelak ditahan pihak berkuasa.

Selain itu, dua warga asing turut bersembunyi dalam longkang besar, namun berjaya dikesan pasukan operasi.

Pengarah IM Selangor, Khairul Aminus Kamaruddin, berkata seramai 530 warga asing, termasuk 11 wanita diperiksa dalam operasi berkenaan.

"Hasil pemeriksaan mendapati kebanyakan warga asing itu melakukan kesalahan dokumen perjalanan, salah guna pas serta tinggal lebih masa," katanya kepada pemberita selepas operasi berkenaan.

Yang hadir sama, Datuk Bandar MBSJ, Datuk Mohd Fauzi Mohd Yatim.

Khairul Aminus berkata, pihaknya akan menjalankan siasatan mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63, Seksyen 15(1)(c) akta sama dan Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Pemeriksaan lanjut

Katanya, semua yang ditahan dibawa ke Pejabat Jabatan Imigresen Selangor untuk pemeriksaan dan siasatan lanjut.



Penguat kuasa Imigresen Selangor menahan warga asing ketika Operasi Bersepadu bersama pelbagai agensi di Pasar Borong Selangor, semalam.

(Foto BERNAMA)

Sementara itu, Mohd Fauzi berkata, MBSJ mengesan masih wujud kegiatan menyewakan tapak dan lesen perniagaan kepada warga asing di Pasar Borong Selangor.

Secara keseluruhan, terdapat sebanyak 384 tapak perniagaan bahan mentah di pasar itu dan lebih 10 gerai dikesan diusahakan peniaga warga asing.

Katanya, perbuatan warga tempatan menyewakan tapak dan lesen perniagaan kepada warga asing atau 'Ali Baba' itu menyumbang kepada lambakan dan monopoli perniagaan warga asing.

"Secara keseluruhan terdapat sebanyak 384 tapak perniagaan bahan mentah di pasar itu. Kita kesan ada belasan gerai yang memberi lesen kepada warga asing atau 'Ali Baba'.

"Kita akan mengenal pasti pemiliknya untuk tindakan pembatalan lesen," katanya selepas Op Bersepadu di pasar berkenaan.



Pegawai imigresen memeriksa warga asing dalam Op Bersepadu di Pasar Borong Selangor, awal pagi semalam.

(Foto Raja Noraina Raja Rahim/BH)

Beliau berkata, MBSJ sering menjalankan pemantauan dan operasi penguatkuasaan di lokasi itu bagi memastikan aktiviti 'Ali Baba' tidak berleluasa.

Untuk rekod, katanya, se-

banyak 11 operasi dijalankan sejak 2019 dan 161 Notis Tawaran Kompaun (NTK) dikeluarkan atas pelbagai kesalahan di bawah kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT).

BERITA HARIAN
Tarikh.....0.5..FEB..2024...

By JADE CHAN
jade@thestar.com.my

THE Subang Jaya City Council (MBSJ) plans to channel unsold food from five Ramadan bazaars in the city to the poor.

"We will continue the initiative at the USJ4 Ramadan bazaar done last year and expand to four other locations," said MBSJ Licensing Department director Nik Zalina Megat.

Last year, MBSJ collaborated with What A Waste (WAW), a social enterprise that rescues surplus food and distributes it to marginalised communities.

The excess unsold food was given to B40 communities and welfare homes located close to the bazaar site at Jalan USJ 4/5.

Nik Zalina said there would be an increase in the number of trading lots and traders at this year's Ramadan bazaars.

"There are 1,560 trading lots and 1,167 traders this year, compared to 1,508 trading lots and 1,144 traders last year," she said, adding that there would be 25 locations across six zones this time around.

"Streamlining measures have also been implemented for better site management and traffic flow.

"For example, the Puchong Prima Ramadan bazaar was relocated from Jalan Prima 5/1 to Jalan Prima 1 to address traffic flow problems."

Nik Zalina said traders who were unsuccessful in getting a

Five Ramadan bazaars to give away unsold food

Subang Jaya City Council to expand initiative to four more sites

spot at their preferred locations would be allowed to appeal and take up available lots at other locations.

Subang Jaya deputy mayor Zulkurnain Che Ali said MBSJ was making an effort to legalise and offer licences to roadside stalls in villages during the Ramadan period to better manage such traders, especially in terms of traffic.

Subang Jaya mayor Datuk Mohd Fauzi Mohd Yatim said the city council would continue implementing the same guidelines and initiatives at all Ramadan bazaars under its purview.

These included banning polystyrene packaging and plastic straws, encouraging customers to bring their own food containers and ensuring no structures such as tents and tables were left overnight by traders.

They were speaking after MBSJ's first full board meeting for 2024, which was held at the council's headquarters in USJ5, Subang Jaya.

Mohd Fauzi also announced



What A Waste collecting unsold food from the USJ4 Ramadan bazaar to be distributed to welfare homes and B40 communities in Subang Jaya last year. — Filepic

that MBSJ's first Car-Free Day programme yesterday was held at a new location – Taman Komuniti Putra Heights in Jalan

Putra Mahkota 7/4, Putra Heights.

"We want to do it at a new location to reach out to differ-

ent communities," he said.

MBSJ's other Car-Free Day programmes are scheduled for May 12, Aug 4 and Oct 20.

THE STAR

05 FEB 2024

Tarikh:.....

RUBBISH COLLECTION ✓ (M&J)

> In conjunction with Chinese New Year, Subang Jaya City Council (MBSJ) is offering free bulk waste collection for landed properties until Feb 9. Items for collection include mattresses and old furniture. Home construction waste, electrical goods and recyclable items will not be accepted. Contact KDEB Waste Management at 03-8081 4437 or WhatsApp 011-3558 4437. Last call is today. Priority will be given to those celebrating the festival.

> Penang Island City Council (MBPP) will increase its rubbish collection service until Feb 9. Property owners may place their domestic waste at the usual spots. For bulk waste, call MBPP Municipal Service Department at 04-263 3000 (office hours).

THE STAR

Tarikh: 05 FEB 2024

For details, visit www.facebook.com/

MOBILE COUNTERS ✓

Petaling Jaya City Council (MBPJ) will place mobile counters at several locations in February for residents to pay their assessment tax. The locations are SS24 Taman Megah next to the market (Feb 17 and 18), PJS 8, Desa Mentari (Feb 24 and 25) and Jalan SD 12/1, next to Petron petrol station (Feb 28 and 29), from 10am to 3pm for all locations. MBPJ will also open additional counters on weekends at its headquarters on Feb 17, 18, 24 and 25 from 10am to 2pm. For details, call 03-7956 3544 ext 102/103/108/109.

LUCKY DRAW INCENTIVE

> Ipoh City Council (MBI) is organising a lucky draw with prizes worth up to RM99,000 to encourage ratepayers.

THE STAR

05 FEB 2024

Tarikh:.....

'Protect our ponds'

Fearing major flooding in the capital, Kuala Lumpur stakeholders want the authorities to gazette land surrounding flood retention pools as buffer zones. This is to prevent these areas, some of which are used as community spaces, from being sacrificed in the name of development. >2&3



Vital bodies of water: (Clockwise from top) Drone photo of Sungai Bonus retention pond; a bird's eye view of Taman Desa retention pond; and Bohol retention pond as seen from the Kesas Highway where Sungai Kuyoh flows into the pond.

THE STAR

05 FEB 2024

rikh:.....

By BAVANI M
bavanim@thestar.com.my

ALMOST two hectares of land surrounding the flood retention pond in Taman Desa, Kuala Lumpur, has not been gazetted as a buffer zone, leaving it open for development.

Highway concessions company Amanat Lebuhraya Rakyat Bhd (ALR) group chief operating officer Mohd Noor Mohd Ali said the area was equivalent to nearly three football fields.

He expressed concern over the slow gazettement progress.

"We have been pushing for gazettement of the land surrounding this pond for a few years now and the process is slow."

"The Taman Desa pond is crucial because it is important for the Stormwater Management and Road Tunnel (SMART) flood mitigation system," he added.

ALR owns four highway concessionaires - Lingkaran Trans Kota Sdn Bhd (Littrak), Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn Bhd (Sprint), Kesas Sdn Bhd (Kesas) and Syarikat Mengurus Air Banjir dan Terowong Sdn Bhd (SMART).

Mohd Noor's concern stems from the fact that potential future floods could jeopardise the SMART tunnel's role in flood mitigation, with climate change resulting in extreme weather, including more frequent thunderstorms.

"We have been through this before when land surrounding the Taman Desa flood retention pond was sold for a mixed development project in 2017."

"And we as stakeholder of SMART tunnel were in the dark over the matter."

The land was transferred to a private company a few years ago.

But thanks to the efforts of then Drainage and Irrigation Department (DID) director-general Datuk Nor Hisham Mohd Ghazali, the deal was cancelled.

The Taman Desa retention pond comes under the purview of Federal Territory of Kuala Lumpur Land Committee (JKTWPKL).

JKTWPKL and Nor Hisham had pushed for certain technical requirements to be fulfilled before the development could go ahead.

In the end, the developer was unable to meet the requirements and the project was cancelled, with the government having to pay over RM40mil compensation to the developer for

(DBKL) ②

Concern over flooded roads

Highway concessionaire fears development around water retention ponds will affect Kuala Lumpur's flood mitigation plan



Taman Desa retention pond in Kuala Lumpur surrounded by residential and commercial buildings. Filepic

surrendering the land.

"Even though the pond itself is gazetted, land surrounding the pond is at risk of future development and must be gazetted or the same thing will happen again," added Mohd Noor.

The recent proposal to degazette a 5.25ha land surrounding Sungai Bunus flood retention pond (formerly known as Kampung Boyan) in Jalan Tun Razak have also made stakeholders jittery.

Despite assurances by Kuala Lumpur City Hall (DBKL) that the move was not for commercial or property development, but to structure areas of responsibilities between government agencies, stakeholders were not convinced.

In fact, the move reignited calls for the government to speed up gazettement of other buffer zones for flood retention ponds in the city.

Mohd Noor also expressed concern about the condition of Bohol flood retention pond in Seputeh.

This pond is situated alongside Kesas highway and in close proximity to densely populated areas.



Mohd Noor: Taman Desa pond is important for the SMART flood mitigation system.

In 2021 and 2022, Kesas highway, along with certain parts of Taman Kinrara in Puchong, experienced flooding on several occasions.

These knee-high floods were a result of water from Sungai Kuyoh pond breaching the perimeter fencing of a monsoon drain in Jalan TK 2/9.

Furthermore, despite its critical role in flood mitigation, Bohol Pond was considered for a proposed development project.

The project was eventually cancelled due to the developer's failure to meet essential requirements.

Mohd Noor shared his recent visit to Bohol Pond and expressed concerns about its condition.

"We took aerial photos of the pond in 2001, and again last year and there is more sediment and it seems that there has been little maintenance done on the pond," Mohd Noor added.

"While some desilting work was carried out last year, it was minimal, and the mounds of earth were left at the site."

"In the event of heavy rainfall, these mounds could wash back into the pond," he said, adding that the pond did not resemble a body of water but instead looked like a piece of land.

Mohd Noor worried that in the event of continuous heavy rain, Kesas highway and the surrounding areas could once again be inundated with floodwaters.

Bohol Pond that covers a 37.8ha area is designated as a reserved land for recreation.

In an exclusive report on May



8, 2023 titled "Gripped by Flooding Fears," *StarMetro* highlighted planned transfer of 0.75ha around the pond for a residential project, which included a mix of affordable housing (40%) and condominiums (60%).

However, following public outcry, the Federal Government decided to revoke the proposed transfer of land surrounding pond to a private developer.

In June 2019, former DID director-general Datuk Abdullah submitted a request to Natural Resources and Environment Ministry to gazette Bohol Pond as a flood retention area.

His request was rejected. His subsequent application was made in 2020 by then deputy director of Kuala Lumpur Drainage and Irrigation Department Datuk Seri Rosida Jaafar.

However, Rosida confirmed that Bohol Pond would continue to function as a flood retention pond.



Aerial photos of Bohol Pond taken in 2001 (above) and in 2023 (right). The newer shot shows more sediment at the site. — Courtesy of ALR

Public against Sungai Bunus retention pond degazettement

Star SP2
(DBKL)

⑧

SINCE their retirement, Osman Ismail and his wife, Normawan Ismail, both aged 64, dedicate a few hours daily to gardening work at the Kebun Bandar Sungai Bunus (PKBSB), situated near Jalan Tun Razak in Kuala Lumpur.

The retired civil servants reside in Setapak Indah and journey each day to care for a parcel of land owned by Kuala Lumpur City Hall (DBKL) adjacent to the Sungai Bunus flood retention pond, formerly known as Kampung Boyan.

This couple finds joy not only in the physical activity but also cherishes the clean air and enchanting sounds of nature, a rarity within the urban landscape.

"It provides us with a purpose and keeps us mentally and physically invigorated," Normawan said.

In the same vicinity, Angela Lau is often observed performing basic tasks in the same community garden.

"Whether it's pruning, weeding or watering, it reduces my anxiety; it's immensely therapeutic," Lau told *StarMetro*.

Shamsul Baharin Mohd Hanafiah, a founding member of the urban farm initiative, recalls the overgrown state of the area during the construction of the Sungai Bunus flood retention pond in 2013.

"This area was known for flooding.

"To alleviate this, the Drainage and Irrigation Department (DID) erected a river diversion system and established the retention basin.

"We saw the opportunity to transform the land around the pond for urban farming and with the support of DBKL through the Local Agenda 21 (LA21) programme, this space has become a source of inspiration and well-being for many over the past decade," Shamsul added.

Elena Shim Mei Yun, an ardent cyclist and member of Friends of Sungai Bunus, shares her enthusiasm for discovering the cycling trail along the river.

The cycling and pedestrian path extends for 13km.

"The unspoiled allure of this area was captivating. My explorations in 2016 uncovered hidden treasures, such as the Ayer Panas Hot Spring near a condominium.

"I discovered a direct link from SM Vokasional Setapak to Sungai Bunus Rukun Tetangga, which offers an ideal setting for children to learn to cycle and serves as a perfect spot for family outings," Shim said.

"The area is teeming with wildlife, including a resident Brahmany kite known to swoop down by the river to hunt and a blue-throated kingfisher and egrets that visit near the Pulapal area," she said.

The garden itself, spanning approximately 122m in length, is segmented into 10 plots, cultivated and sustained by a



Osman (right) and Normawan dedicate a few hours daily to do gardening at the Kebun Bandar Sungai Bunus. —Photos: AHMAD IZARAFIQUE/The Star



Lau enjoys the therapy of working at the community garden.



Shamsul Baharin recalls the overgrown state of the area during construction of Sungai Bunus flood retention pond.

diverse group including local residents, non-governmental organisations, educational institutions and private corporations.

Recent news concerning the potential degazettement of land surrounding Sungai Bunus flood retention pond has unsettled stakeholders, who fear it could lead to development plans or land sale.

However, DBKL had clarified that the proposed revocation of the land status was not intended for commercial or housing developments, but to streamline the land classification, with one segment earmarked as a "flood retention pond" and the other as an "open area."

"The proposed revocation is to better streamline the areas of responsibilities between the related government agencies.

"In this case, it involves the DID for the flood retention pond and DBKL for the management and maintenance of the open space area," DBKL had said.

Sungai Bunus retention pond, gazetted as an impounding reservoir on July 31, 2018, is nestled alongside Sungai Bunus and spans over a 5.25ha area — about the size of eight football fields.

The local authority has also engaged professional land surveyors to delineate the boundaries, including a 1m margin from the pond's edge to safeguard against any impact on its



StarMetro's cover story on Jan 6, 2024 about Sungai Bunus retention pond possibly being degazetted.

capacity or functionality.

DBKL added that the space encircling the pond had been developed into a communal garden by DBKL under LA21 Kuala Lumpur initiative, in partnership with NGOs and residents' associations.

DBKL assured that any land reclassification would proceed only after securing consent from Federal Territory of Kuala Lumpur Land Committee (JKTWPKL).

Nonetheless, there are dissenting voices, such as planning lawyer Derek Fernandez, who questioned the necessity of altering the land's designation.

"Revoking the status of the flood retention pond seems unwarranted if the stated intentions are genuine.

"Open spaces serve as a buffer during potential overflows and are integral to the flood management system," Fernandez said.

StarMetro recently reported on the issuance of a Federal Government Gazette notification by JKTWPKL regarding the proposed cancellation of the land's public utility reservation, a decision which has sparked widespread opposition from concerned stakeholders. — By BAVANI M

By CY LEE
chenyong@thestar.com.my

A COORDINATED effort is needed to maintain infrastructure such as lifts in government-owned buildings especially People's Housing Programme (PPR) to reduce down time of these facilities.

Kepong MP Lim Lip Eng said having a dedicated company or an appointed contractor of high quality that would be directly overseen by the government would help resolve the issue that plagued residents in such housing schemes.

"The number of lifts in PPRs not just in Kuala Lumpur, but the whole country, is considerable.

"I hope the government will look into this," said Lim, who pointed out that this could also apply to other government-owned buildings.

"We commonly hear about PPR lifts breaking down all around the country and in

Government urged to appoint dedicated company to oversee lifts in PPRs

many cases, it is the lack of spare parts that causes down time.

"So why has the availability of spare parts to repair lifts not been made a priority?"

"It makes sense to have a company that is able to maintain the lifts to a high standard," he said, after a press conference at Pekan Kepong PPR to announce the replacement of lifts there.

The RM4.7mil allocated by Kuala Lumpur City Hall (DBKL) will see all nine lifts replaced with new ones. It is expected to be completed in May 2025.

Pekan Kepong PPR Residents Committee chairman Mohd Hizam Yeop Omar said faulty lifts were almost a daily problem.

"In the past three years, resi-

dents in the three blocks have had to live with the fear of lifts breaking down," he said, adding that the new lifts would be a relief for the 13 disabled and 337 elderly residents there.

Committee secretary Mohd Razuan Abd Rahman said malfunctions in the morning and evening when residents leave and return from work were especially stressful.

"Having an on-site technician here now is a good temporary solution until the new lifts are installed as he is also carrying out preventive maintenance."

Federal Territories Residents Representative Council (MPPWP) Sub Zone 1 chairman Chay Weng Teong said the new lifts would have CCTV cameras installed.



Lim (right) says all nine lifts at PPR Pekan Kepong will be replaced in a project worth RM4.7mil. — ONG SOON HIN/The Star

THE STAR

05 FEB 2024

Tarikh:

MPK antara 20 PBT terbaik negara dalam Penarafan Bintang sejak 2008

Klang menuju Bandar Raya Diraja

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

KLANG - Kemampanan pentadbiran Majlis Perbandaran Klang (MPK) membuatkan pihak berkuasa tempatan (PBT) ini kini bersedia berubah ke arah menjadi Majlis Bandaraya Diraja dalam masa terdekat.

Pemasyhuran yang akan diperkenan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah nanti bakal menjadikan PBT tersebut satu-satunya yang mempunyai status Diraja di negara ini.

Malah, ramai tidak mengetahui bahawa MPK adalah antara 20 PBT terbaik di Malaysia dalam Penarafan Bintang sejak 2008 dengan penilaian pada dua tahun lalu mendapat markah keseluruhan 96.39 peratus.

Lebih membanggakan adalah MPK telah 25 tahun berturut-turut memperoleh Sijil Bersih Audit dalam tadbir urus kewangan.

Menurut Jabatan Komunikasi Korporat MPK, PBT tersebut yang ditubuhkan sejak 1890 telah memenuhi semua kriteria bagi mencapai status bandar raya pada usia 133 tahun.

Katanya, penaiktarafan Klang sebagai bandar raya ke-20 itu di seluruh negara dan keempat di Selangor bermaksud MPK mempunyai kekuatan kewangan yang mampan untuk menyediakan perkhidmatan perbandaran efisien, berkualiti serta bertaraf antarabangsa bagi meningkatkan daya huni dan kesejahteraan penduduk di Klang.

"MPK sebenarnya telah melakukan persediaan untuk dinaik taraf ke bandar raya sejak tahun 2006.

"Ini memandangkan kita sudah lama memenuhi kriteria sebagai bandar raya dengan pendapatan sudah melebihi RM300 juta sejak beberapa tahun lalu, selain jumlah penduduk setakat ini lebih 902,000 orang.

"Klang juga mempunyai



ATAS: Datuk Bandar Klang, Datin Paduka Noraini Roslan meninjau kerja-kerja menaik taraf laluan pejalan kaki dan pencahayaan di sekitar bandar Klang baru-baru ini.

KANAN: Noraini menerima Anugerah Kepimpinan PBT Terbaik (Perbandaran) pada Anugerah Kecemerlangan Menteri KPKT 2023 di Kuala Lumpur baru-baru ini.



Pelabuhan Klang iaitu pelabuhan utama yang menjadi pemangkin ekonomi bukan sahaja di Selangor, malah di Malaysia.

Justeru, berdasarkan kriteria tersebut, Klang selayaknya dinaik taraf kepada bandar raya yang bakal menjadi kebanggaan buat warga daerah ini," katanya kepada *Kosmo!* di sini kelmarin.

Kata MPK, proses perbandaran pesat memerlukan satu anjakan paradigma dalam pengurusan bandar dengan segala elemen telah dimiliki PBT itu bagi menjadikan tempat yang lebih baik didiami, berdaya huni, selamat serta sejahtera.

Tambahnya, pelbagai program telah dilaksanakan secara berterusan, antaranya program komu-

niti strata, hari tanpa kenderaan, kebun komuniti, kejiranan, penanaman pokok, kitar semula dan penjagaan sungai selaras mencapai matlamat pembangunan mampan (SDG).

"Selain itu, program lain yang rancak berjalan ialah projek berdaya huni, MyPlace, Lorong Basikal, Pejalan Kaki, Bandar Pintar, Bandar Selamat dan Rejuvenasi Bandar.

"Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi program Sentuhan Kasih juga telah meluluskan 21 projek berjumlah RM5 juta termasuk projek naik taraf Pasar Pelabuhan Klang, Jalan Goh Hock Huat (Jalan Keretapi Lama), laluan pejalan kaki dan basikal di Jam-

batan Kota serta membina tandas awam moden," katanya.

Jelas MPK, seiring itu juga sebanyak RM35 juta telah diperuntukkan untuk projek rejuvenasi atau pembaharuan dan pembinaan fizikal di beberapa kawasan di Klang tahun ini.

"Malah, MPK juga memfokuskan peruntukan sebanyak RM212 juta dalam bajet tahun ini melibatkan kebersihan alam sekitar dan kesihatan awam, penyelenggaraan parit, penyelenggaraan jalan serta pengindahan selain landskap dan rekreasi," tegasnya.

Dalam mendepani cabaran status Bandar Raya Diraja, MPK juga telah menyediakan dan menyusun pelan tindakan lima tahun ber-

Majlis Perbandaran Klang

- MPK bakal menjadi satu-satunya PBT berstatus Diraja
- Bandar Klang wujud sejak 133 tahun lalu
- Bakal menjadi PBT ke-20 berstatus Majlis Bandaraya
- Pelabuhan Klang menjadi pelabuhan utama dan antara 20 pelabuhan paling sibuk di dunia
- 25 tahun berturut-turut mendapat Sijil Bersih Audit
- Bajet 2024 peruntuk RM212 juta untuk kebersihan alam sekitar, kesihatan awam

mula tahun ini sehingga 2028 bagi memantapkan pentadbirannya demi kesejahteraan rakyat Klang.

MPK menjelaskan, ini adalah selaras visi Klang Bandar Raya Warisan Diraja yang mampan dengan melaksanakan perkhidmatan berkualiti, berintegriti serta tadbir urus dan perancangan bandar yang holistik dengan mengutamakan elemen warisan dan sejarah.

"Kita menyedari antara isu perbandaran yang kerap berlaku di daerah Klang adalah seperti banjir, perubahan iklim, kebakaran tanah gambut dan penyakit seperti demam denggi dan penyakit berjangkit.

"Justeru, bagi mengatasinya, MPK membuat perancangan pembangunan masa hadapan dan kawalan pembangunan sedia yang diterjemahkan dalam bentuk projek dan program.

"Kesemua ini bagi memastikan matlamat bandar mampan yang menerapkan konsep berdaya huni, berdaya tahan dan saing dalam dicapai merangkumi bandar sihat, indah, ceria, pintar, selamat dan mesra komuniti," katanya.

KOSMO

05 FEB 2024

Tarikh:



SEKIRANYA skim pencen kerajaan dimansuhkan, pekerja kerajaan dikatakan akan melakukan caruman KWSP. — GAMBAR HIASAN



WANG pencen boleh menjamin kesejahteraan hidup para pekerja kerajaan selepas bersara. — GAMBAR HIASAN



Rencana Utama

Oleh
FARID AHMAD TARMJI

Perbincangan skim pencen bukan perkara baharu

SEBAIK menamatkan pengajian di universiti, seorang lelaki yang hanya mahu dikenali sebagai Muhammad terus memohon untuk menjadi penjawat awam.

Baginya, bekerja dalam sektor awam menjamin masa hadapan lebih cerah terutamanya setelah bersara.

"Salah satu faktor yang mendorong saya memohon menjadi penjawat awam adalah kerana skim pencennya.

"Saya telah beberapa kali menghadiri temu duga untuk menjadi sebahagian daripada kakitangan kerajaan tetapi belum ada rezeki lagi," katanya yang kini berusia awal 30-an.

Mengulas lanjut, Muhammad berkata, bapanya yang merupakan seorang penjawat awam banyak memberi nasihat kepadanya untuk berkhidmat dengan kerajaan.

Malah, dia sendiri melihat skim pencen banyak membantu seseorang itu untuk meneruskan kehidupan selepas bersara.

"Ayah saya meninggal setahun sebelum bersara. Kemudian, ibu saya meneruskan kehidupannya melalui pencen ayah saya.

"Namun, setelah kerajaan mengumumkan lantikan baharu berstatus tetap selepas ini tidak lagi ditawarkan skim pencen, saya berbelah bahagi untuk memohon berkhidmat sebagai penjawat awam," tuturnya.

Dalam pada itu, keputusan kerajaan untuk tidak menawarkan lagi skim pencen kepada lantikan baharu ternyata telah mencetuskan polemik hangat dalam kalangan pelbagai pihak.

Mengulas tentang polemik itu, Felo Penyelidik Utama Institut Islam Hadhari di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Zaid Ahmad berkata, isu pencen telah dimanipulasi sehingga menjadi perbincangan agak panas.

Menurutnya, perbincangan mengenai skim pencen bukanlah sesuatu yang baharu, sebaliknya ia telah lama diperkatakan.



ATAS: Kebanyakan pekerja perkhidmatan awam di Malaysia ketika ini menikmati skim pencen selepas bersara. — GAMBAR HIASAN

BAWAH: Kerajaan perlu memikirkan kesan pemansuhan skim pencen kepada sektor barisan depan seperti jururawat. — GAMBAR HIASAN



Dalam isu tersebut, kerajaan harus ada perbincangan bersama Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) dan penjawat awam itu.

ZAID

"Cadangan untuk mengurangkan beban kerajaan ini telah lama berlaku.

"Malah, ketika saya mula bekerja sebagai penjawat awam lebih 30 tahun lalu telah ada tuntutan untuk menggantikan skim pencen kepada caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

"Kami diberi pilihan sama ada untuk memilih skim pencen atau KWSP," jelasnya.

Zaid berpendapat, dalam hal ini harus ada perbincangan antara kerajaan

MPK antara 20 PBT terbaik negara dalam Penarafan Bintang sejak 2008

Klang menuju bandar raya diraja

UM 5/2

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB
utusannews@mediamula.com.my

KLANG: Majlis Perbandaran Klang (MPK) sudah bersedia untuk dinaik taraf sebagai bandar raya diraja dalam masa terdekat berikutan kemampuan pentadbiran yang diterapkan sejak dulu.

Pemasyhuran yang akan diperkenan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bakal menjadikan pihak berkuasa tempatan (PBT) tersebut satu-satunya yang mempunyai status diraja di negara ini.

Malah, ramai tidak mengetahui bahawa MPK adalah antara 20 PBT terbaik di Malaysia dalam Penarafan Bintang sejak 2008 dengan penilaian pada dua tahun lalu mendapat markah keseluruhan 96.39 peratus.

Lebih membanggakan adalah MPK telah 25 tahun berturut-turut memperoleh Sijil Bersih Audit dalam tadbir urus kewangan.

Menurut Jabatan Komunikasi Korporatnya, MPK yang ditubuhkan sejak 1890 memenuhi semua kriteria bagi mencapai status bandar raya pada usia 133 tahun.

Katanya, penaiktarafan Klang sebagai bandar raya ke-20 itu di negara ini dan keempat di Selangor bermaksud MPK mempunyai kekuatan kewangan untuk menyediakan perkhidmatan perbandaran efisien, berkualiti serta bertaraf antarabangsa bagi meningkatkan daya huni dan kesejahteraan penduduk Klang.

"MPK telah melakukan persediaan untuk dinaik taraf ke bandar raya sejak tahun 2006.

"Ini memandangkan kita sudah lama memenuhi kriteria sebagai bandar raya dengan pendapatan sudah melebihi RM300 juta sejak beberapa tahun lalu, selain jumlah penduduk setakat ini lebih 902,000 orang.

"Klang juga mempunyai Pelabuhan Klang iaitu pelabuhan utama yang menjadi pemangkin ekonomi bukan sahaja di Selangor, malah di Malaysia.

Justeru, berdasarkan kriteria tersebut, Klang selayaknya dinaik taraf kepada bandar raya yang bakal menjadi kebanggaan buat warga daerah ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini kelmarin.

Kata MPK, pelbagai program telah dilaksanakan secara berterusan, antaranya program komuniti strata, hari tanpa kenderaan, kebun komuniti, kejiranan, penanaman pokok, kitar semula dan penjagaan sungai selaras mencapai matlamat pembangunan mampan (SDG).



YANG Dipertua Majlis Perbandaran Klang, Datin Paduka Noraini Roslan meninjau kerja-kerja menaik taraf laluan pejalan kaki dan pencahayaan di sekitar bandar Klang baru-baru ini.



NORAINI Roslan menerima Anugerah Kepimpinan PBT Terbaik (Perbandaran) pada Anugerah Kecemerlangan Menteri KPKT 2023 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Majlis Perbandaran Klang

- MPK bakal menjadi satu-satunya PBT berstatus Diraja
- Bandar Klang wujud sejak 133 tahun lalu
- Bakal menjadi PBT ke-20 berstatus Majlis Bandaraya
- Pelabuhan Klang menjadi pelabuhan utama dan antara 20 pelabuhan paling sibuk di dunia
- 25 tahun berturut-turut mendapat Sijil Bersih Audit
- Bajet 2024 peruntuk RM212 juta untuk kebersihan alam sekitar, kesihatan awam

"Selain itu, program lain yang rancang berjalan ialah projek berdaya huni, MyPlace, Lorong Basikal, Pejalan Kaki, Bandar Pintar, Bandar Selamat dan Rejuvenasi Bandar.

"Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi program Sentuhan Kasih juga telah meluluskan 21 projek berjumlah RM5 juta termasuk projek naik taraf Pasar Pelabuhan Klang, Jalan Goh Hock Huat (Jalan Keretapi Lama), laluan pejalan kaki dan basikal di Jabatan Kota serta membina tandas awam moden," katanya.

Jelas MPK, seiring itu juga sebanyak RM35 juta telah diperun-

tukkan untuk projek rejuvenasi atau pembaharuan dan pembinaan fizikal di beberapa kawasan di Klang tahun ini.

"Malah, MPK juga memfokuskan peruntukan sebanyak RM212 juta dalam bajet tahun ini melibatkan kebersihan alam sekitar dan kesihatan awam, penyelenggaraan parit, penyelenggaraan jalan serta pengindahan selain landskap dan rekreasi," tegasnya.

Dalam mendepani cabaran status Bandar Raya Diraja, MPK juga telah menyediakan dan menyusun pelan tindakan lima tahun bermula tahun ini sehingga 2028 bagi memantapkan pentadbirannya demi kesejahteraan rakyat Klang.

MPK menjelaskan, ini adalah selaras visi Klang Bandar Raya Warisan Diraja yang mampan dengan melaksanakan perkhidmatan berkualiti, berintegriti serta tadbir urus dan perancangan bandar yang holistik dengan mengutamakan elemen wisan dan sejarah.

"Kita menyedari antara isu perbandaran yang kerap berlaku di Klang seperti banjir dan penyakit seperti demam denggi dan sudah membuat perancangan kawalan pembangunan sedia yang diterjemahkan dalam bentuk projek dan program," kata MPK.

um 5/2 Gaji rendah, KWSP tak bantu simpanan hari tua

MELAKA: Gabungan Majlis Presiden dan Setiausaha Kehormat Kesatuan Kakitangan Universiti Malaysia (GAKUM) meminta kerajaan mengkaji semula keputusan, susulan pengumuman penjawat awam baharu berstatus tetap tetapi tidak lagi berpenecen.

Presiden GAKUM, Zulkifli Mohammed berkata, kerajaan tidak sepatutnya memansuhkan skim pencen penjawat awam yang secara puratanya berkhidmat untuk negara antara 30 hingga 40 tahun.

Menurutnya, skim berkenaan satu-satunya yang memberi kebaikan kepada penjawat awam bagi menjamin kesejahteraan hidup apabila bersara kelak.

Beliau berkata, skim caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dilihat tidak membantu penjawat awam mempunyai simpanan hari tua yang baik disebabkan skim gaji masih rendah dalam perkhidmatan awam ketika ini.

"Semalam mesyuarat tergeper GAKUM membuat keputusan untuk membantah tentang pemansuhan pencen ini. Kita tidak bersetuju kerana ini satu-satunya yang ada.

"Apa lagi yang ada kalau ini juga sudah tidak ada kepada penjawat awam yang sudah bertugas lebih lama kerana keistimewaan yang telah diberikan oleh kerajaan sejak dulu lagi.

"Justeru, GAKUM minta kerajaan mengkaji semula jika benar keputusan yang akan diambil



ZULKIFLI Mohammed (dua dari kanan) bercakap dalam sidang akhbar selepas Bengkel Pengurusan Kesatuan Sekerja 2024 di Banda Hilir, Melaka semalam. - UTUSAN/AMRAN MULUP

untuk memansuhkan skim pencen penjawat awam," katanya kepada pemberita selepas Bengkel Pengurusan Kesatuan Sekerja 2024 di sebuah hotel di Banda Hilir di sini, semalam.

Sebelum ini, Kabinet dilaporkan bersetuju menetapkan syarat bahawa penjawat awam baharu berstatus tetap selepas ini adalah tidak berpenecen.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, status pencen penjawat awam sedia ada tidak akan terjejas, namun golongan yang baharu dilantik kelak perlu membuat caruman menerusi KWSP.

Sementara itu, Presiden Pesara Penjawat Awam (KUPPEKMAS), Datuk Omar Osman

berkata, pelbagai pihak tidak bersetuju dengan keputusan kerajaan ingin memansuhkan skim tersebut.

"Saya harap kerajaan berunding dengan pemimpin sekerja, kita ingin beri pandangan kerana hari ini ada penjawat awam berpenecen tetapi tidak berpenecen seperti penswastan dulu," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:0.5...FEB...2024..



SAFIAH OMAR

KERAJAAN telah mengambil keputusan untuk memansuhkan sistem pencen bagi penjawat awam untuk pengambilan baharu bermula 1 Februari ini. Keputusan ini terpaksa diambil akibat tekanan ekonomi negara disebabkan hutang tinggi serta dana simpanan yang berkurangan.

Kedudukan ekonomi masa ini dilihat tidak mampu untuk menampung pembayaran wang pencen kepada pesara di masa akan datang disebabkan jangkaan jumlah golongan itu semakin ramai dan jangka hayat usia mereka juga semakin meningkat. Unjuran data pembayaran pencen pada 2040 dijangka mencecah RM120 bilion.


Namun, pemansuhan sistem pencen untuk penjawat awam ini akan memberi kesan yang besar kepada pentadbiran negara terutamanya dalam soal sumber manusia. Kebanyakan individu yang berminat untuk bekerja dalam sektor awam adalah disebabkan faedah dan manfaat yang ada bersama jawatan tersebut terutamanya sistem pencen.

Melalui sistem pencen tersebut, perkhidmatan awam dianggap sebagai pekerjaan yang memberi jaminan kehidupan yang selesa setelah mencapai umur persaraan. Sistem pencen juga sebenarnya menjana rasa keiktian dan patriotisme kepada negara. Justeru, tanpa pencen, sektor awam dilihat kurang menarik kerana faktor-faktor tertentu termasuk gaji rendah, tiada bonus yang tinggi, kemudahan yang tidak mencukupi serta tekanan kerja yang berbeza dari sektor swasta.

Antara cabaran utama penjawat awam termasuk kesediaan menjalankan tugas dengan sumber yang minimum. Malah ada juga yang terpaksa mengeluarkan wang peribadi bagi menampung sesetengah tugas atau aktiviti. Sebagai contoh, guru di sekolah yang terpaksa membeli kertas A4 bagi tujuan kegunaan pelajar di dalam kelas, menggantikan peralatan sukan yang rosak, menambah wang sendiri bagi mencukupkan dana untuk menampung pelajar yang menyertai sesuatu pertandingan di luar kawasan daerah dan banyak lagi.

Tidak semua sekolah mempunyai dana Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)

Kerajaan perlu tambah belanja kalau hapus pencen



JIKA kerajaan tiada pilihan lain, maka sistem Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) perlu ditambah baik membolehkan sektor perkhidmatan awam terus menjadi pilihan generasi muda.

yang mencukupi manakala bajet dari kerajaan mungkin hanya mampu digunakan untuk perkara yang lebih mendesak seperti memperbaiki kerosakan fasiliti asas.

Contoh cabaran lain juga dapat dilihat dalam kalangan pekerja barisan hadapan seperti bomba dan mereka yang berada di sektor kesihatan. Tugas utama mereka adalah harus berada dalam keadaan sentiasa bersedia sedia kerana kemalangan dan kecemasan boleh berlaku tanpa di jangka. Mereka adalah tunggak utama yang sentiasa melakukan yang terbaik demi keselamatan dan nyawa manusia di dalam negara ini. Pengorbanan penjawat awam barisan hadapan tersebut secara terang dapat dilihat setiap hari yang mana tidak mampu untuk kita nilaikan atau membalas jasa-jasa mereka.

Tujuan utama kewujudan sektor swasta adalah memaksimumkan keuntungan pemegang saham melalui perniagaan produk atau servis mereka. Manakala tujuan dan misi sektor awam adalah mementingkan aspek pengurusan negara termasuk keselamatan, kesihatan, pendidikan, sosioekonomi serta kebijakan

untuk rakyat. Oleh itu, jawatan perkhidmatan awam sebenarnya memerlukan ketahanan mental dan fizikal yang tinggi demi memberi kesejahteraan dari segala aspek berkepentingan kepada negara.

Sektor swasta sangat kompetitif dan majikan mereka sentiasa menyediakan pakej faedah yang menarik kepada pekerja terutamanya jawatan yang memerlukan kemahiran tinggi. Sistem Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang digunakan sebagai ganti kepada sistem pencen membolehkan individu yang berkhidmat dalam sektor awam bertukar kerja pada bila-bila masa tanpa ikatan.

Antara jawatan yang berisiko termasuk bidang kesihatan, kejuruteraan, pendidikan, pentadbiran dan kepimpinan, teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), peguam dan banyak lagi yang berkaitan dengan kemahiran tinggi.

Di tambah dengan lantikan baharu yang kebanyakannya dari generasi muda seperti Gen-Y dan Gen-Z, mereka amat mengutamakan permintaan dari segi manfaat serta makna dalam pekerjaan. Kerajaan akan berdepan dengan cabaran untuk

mengekalkan bakat-bakat muda tersebut di dalam perkhidmatan awam.

TAMBAH KOS

Dapatan kajian dari Pakar Ekonomi University of Colorado, Professor Emeritus Dr. Wayne Cascio menunjukkan kos penggantian seorang pekerja adalah 2.5 kali ganda daripada gaji tahunan bagi sesuatu jawatan yang terlibat. Sebagai contoh jika gaji tahunan seorang pekerja yang perlu diganti itu berjumlah RM50,000, maka kos yang terlibat untuk mendapatkan individu lain bagi mengisi jawatan tersebut adalah RM125,000.

Dengan keadaan yang sedang berlaku dalam sektor penjawat awam, kadar perolehan pekerja dijangka akan lebih tinggi di masa hadapan. Justeru, kos pentadbiran pekerja juga turut meningkat selaras dengan keperluan perkhidmatan.

Ditambah pula dengan pasaran jawatan sektor awam yang besar untuk seluruh negara, sudah pasti perbelanjaan kerajaan juga akan menjadi lebih besar. Adakah kerajaan mampu untuk menyelaraskan semula gaji penjawat awam setaraf dengan sektor swasta dan

pada masa yang sama perbelanjaan kos kada perolehan pekerja yang dijangkakan lebih tinggi c sekarang.

Kerajaan akan menanggung bebanan ya bertambah bukan sahaja dari segi kewangan tetapi juga berdepan dengan kekurangan pekerja mahi mengikat mereka amat membimbangkan.

Pentadbiran negara akan terkesan kerana berdepan dengan peruba pengkelakan kerja jawat awam ini disebabkan tiad insentif yang mampu mengikat mereka untuk bekerja di sektor awam se mana sistem pencen yang telah digunakan sejak sel lama oleh negara ini.

Pelbagai aspek perlu dipertimbangkan dan ditambah baik untuk menghadapi cabaran ini, namun ia memerlukan tempoh pelaksanaan yang masa panjang. Walaupun pemansuhan sistem pencen dilihat sebagai wajar d perspektif tekanan ekonomi, persoalan utama yang patut kita tekankan adalah sama ada kesannya lebih menj kepada kebaikan atau keburukan pada negara.

Kerajaan juga perlu ke pasti sama ada pengurangan perbelanjaan negara ini perlu melibatkan sistem pentadbiran penjawat aw atau boleh dikaji semula untuk mengenal pasti su perspektif lain yang bole memberikan kebaikan ya lebih baik dalam aspek y tidak melibatkan sumber manusia.

Setiap perubahan dala sistem perkhidmatan aw pasti akan memabitkan soal sumber kewangan. Pengurusan serta pentad kemajuan ekonomi masil perlu diperbaiki segera.

Jika memang tiada pili lain, maka penjelasan str yang menerangkan maks penambahbaikan sistem persaraan kepada sistem KWSP juga perlu segera diumumkan kepada oran awam supaya kegelisaha rakyat yang tertekan den keadaan ekonomi ini dap ditenangkan.

DR. Safiah Omar ialah pensyara kanan di Fakulti Perniagaan dan Ekonomi Universiti Malaysia.

DR. AZIAN
MUHAMAD
ADZMI

MEMANDANG-
KAN landskap
digital terus
berkembang,
penyepaduan
teknologi kecerdasan buatan
(AI) dalam bilik berita telah
menjadi kuasa transformatif,
membentuk semula cara
berita dihasilkan, digunakan
dan disebar.

Bagi pelajar komunikasi
masa di Malaysia, anjakan ini
membentangkan spektrum
cabaran dan peluang yang
menuntut kebolehsuaian,
inovasi dan pemahaman
yang mendalam tentang
landskap media yang sedang
berkembang.

Perkara ini seiring dengan
matlamat Kementerian
Pengajian Tinggi dalam
merealisasikan lima fokus
utama dan 20 landasan hala
tuju yang dibentangkan oleh
menterinya, Datuk Seri Dr.
Zambry Abd Kadir baru-baru
ini di Dewan Tunku Canselor,
Universiti Malaya.

PENCIPTAAN KANDUNGAN AUTOMATIK

Kerajaan Madani ingin
merealisasikan sejuta
kepakaran AI dalam setahun
terutama dalam kalangan
warga pengajian tinggi.

Oleh itu, pelajar
komunikasi masa di
institusi pengajian tinggi
boleh mengambil peluang
ini dalam menggunakan dan
memahirkan diri dengan
teknologi terkini antaranya
dalam menganalisis data,
mencipta idea kreatif dan
kemahiran pengurusan
maklumat.

Ini tidak dapat disangkal
apabila teknologi AI
memberikan peluang
kepada pelajar komunikasi
masa untuk meneroka
alat penciptaan kandungan
automatik.

Daripada menjana
artikel berita kepada
mencipta visualisasi dipacu
data, algoritma AI boleh
menyelaraskan tugas rutin,
membolehkan wartawan
menumpukan pada aspek
penceritaan yang lebih
kompleks, analitikal dan
kreatif. Ini memberi ruang
kepada pelajar untuk
mengasah pemikiran kritis
dan kemahiran naratif
mereka.

ANALISIS DATA

Perkara ini sangat jelas
menunjukkan bahawa dengan
sejumlah besar data yang
dijana dalam era digital, alat
analitik yang dikuasakan AI
memberikan pandangan yang

Masa depan teknologi AI dalam media Malaysia



KECENDERUNGAN menggunakan teknologi AI dalam bahan berita mempunyai kesan lain seperti algoritma dan etika penyebaran maklumat. - AFP

tidak ternilai tentang pilihan,
gelagat dan arah aliran
khalayak.

Pelajar komunikasi masa
boleh memanfaatkan alatan
ini untuk memperhalusi
strategi kandungan mereka,
menyesuaikan mesej
mengikut demografi tertentu
dan memperoleh pemahaman
yang lebih mendalam tentang
keperluan yang berkembang
bagi khalayak yang pelbagai.

Teknologi AI memainkan
peranan penting dalam
meningkatkan keupayaan
pengeluaran multimedia.
Daripada penyuntingan video
kepada sintesis suara, alatan
AI boleh meningkatkan kualiti
kandungan multimedia.

Dengan ini, pelajar
komunikasi masa boleh
merekbut peluang ini untuk
membangunkan kepakaran
dalam menggunakan alatan
dipacu AI, meletakkan
diri mereka sebagai pakar
multimedia yang dilengkapi
dengan kemahiran termaju.

SEMAKAN FAKTA DAN PENGESEHAN MASA NYATA

Dengan kecanggihan
teknologi terkini terdapat juga
cabaran lain yang perlu dititik
beratkan oleh para pelajar
komunikasi masa, antaranya
adalah semakan fakta dan

pengesanan masa nyata yang
mana bila maklumat tersebut
diterima.

Dalam era penyebaran
maklumat yang pesat,
cabaran maklumat salah
semakin ketara berbanding
sebelum ini. Alat semakan
fakta dikuasakan AI memberi
peluang kepada pelajar
komunikasi masa untuk
meningkatkan integriti
kewartawanan mereka.

Mereka perlu belajar
mengemudi alatan ini
membolehkan pelajar
menyumbang kepada usaha
memerangi maklumat
salah dan menegakkan
prinsip kewartawanan yang
bertanggungjawab.

BIAS ALGORITMA DAN PERTIMBANGAN ETIKA

Tambahan lagi,
kecenderungan menggunakan
teknologi AI dalam bahan
berita juga mempunyai kesan
lain seperti algoritma dan
etika penyebaran maklumat.

Memandangkan
algoritma AI memainkan
peranan penting dalam
pengesyoran kandungan
dan pemeribadian,
pelajar komunikasi masa
mesti bergelut dengan
pertimbangan etika yang
mengelilingi kecenderungan
algoritma.

Memahami implikasi
algoritma berat sebelah
pada penggunaan berita
adalah penting untuk pelajar
menyokong keadilan,
ketelusan dan akauntabiliti
dalam bilik berita dipacu AI.

KEBOLEHSUAIAN KEPADA TEKNOLOGI BERKEMBANG

Evolusi pesat teknologi
AI memerlukan pelajar
komunikasi masa untuk
memupuk kebolehsuaian.
Mengikuti perkembangan
terkini dalam AI,
pembelajaran mesin dan
automasi memastikan pelajar
dilengkapi dengan baik
untuk menavigasi landskap
media dinamik. Pembelajaran
berterusan dan pendekatan
proaktif kepada penyepaduan
teknologi adalah penting
untuk profesional media masa
depan.

KERJASAMA ANTARA MANUSIA DAN MESIN

Untuk mengimbangi
kemahiran semula jadi dan
kemahiran penggunaan
teknologi moden, jalan
terbaik adalah para pelajar
harus mempelajari teknologi
terkini dengan bijak.

Daripada menggantikan
peranan manusia, teknologi
AI dalam bilik berita

menekankan kerjasama antara
manusia dan mesin.

Pelajar komunikasi
masa boleh memanfaatkan
kerjasama ini dengan
memahami cara
memanfaatkan AI sebagai
alat untuk meningkatkan
keupayaan mereka.

Pendekatan ini memupuk
hubungan simbiotik, di mana
kreativiti dan intuisi manusia
melengkapkan kecekapan dan
keupayaan pemrosesan data
AI.

KEBIMBANGAN PEKERJAAN

Memetik laporan Anadolu
tahun lalu di Forum Ekonomi
Dunia (WEF), 83 juta dijangka
kehilangan pekerjaan dengan
penggantian teknologi AI
dan hanya 69 juta peluang
pekerjaan diwujudkan
menjelang 2027.

Kemunculan AI dalam
bilik berita telah membawa
kepada kebimbangan tentang
perpindahan pekerjaan
dalam industri media. Pelajar
komunikasi masa boleh
menangani cabaran ini dengan
memberi tumpuan kepada
memupuk kemahiran manusia
yang unik seperti pemikiran
kritis, empati dan kreativiti.

Menekankan aspek
kewartawanan manusia
yang tidak boleh digantikan
memastikan peranan yang
berterusan untuk profesional
media dalam landskap dipacu
AI.

Dengan menerima potensi
transformatif AI, memupuk
pertimbangan etika, dan
mengasah kemahiran yang
boleh disesuaikan, pelajar
boleh meletakkan diri
mereka sebagai inovator dan
penyumbang kepada evolusi
media dalam era digital
sekaligus meningkatkan
kemahiran para pendidik
dalam melaksanakan
pendekatan baharu program
pemindahan dan perkongsian
ilmu.

Cabarannya terletak
pada mengemudi landskap
transformatif ini dengan
pemikiran yang proaktif
dan berfikir ke hadapan,
memastikan masa depan
kewartawanan di Malaysia
kekal teguh, pelbagai dan
diperkasakan dari segi
teknologi.

DR. Azian Muhammad Adzmi ialah
Pensyarah (Program Sarjana), Pusat
Pengajian Media dan Komunikasi
Taylor's University.

Penjawat awam muda perlu berinovasi urus kewangan

Oleh Dr Hamidah Md Yusop
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan
(Pengurusan)
Sekolah Pengajian
Siswazah
Perniagaan Arshad
Ayub, Universiti
Teknologi MARA
(UTM)

Sejak mengumumkan bakal memansuhkan skim pencen penjawat awam, ia mencetuskan pelbagai polemik dan persoalan penting terutama mengenai masa depan kewangan penjawat awam, khasnya generasi muda.

Perubahan dasar kerajaan ini turut menimbulkan persoalan sama ada generasi muda baru memulakan perkhidmatan atau bekerja dalam sektor awam tahun ini mampu menyediakan tabungan mencukupi untuk menjamin masa hadapan mereka atau sebaliknya.

Sejak sekian lama, skim pencen kerajaan diwarisi daripada sistem British sebelum ini memberikan jaminan kewangan kepada penjawat awam selepas mereka bersara. Namun, dengan cadangan pemansuhan ini, beban untuk merancang dan menyimpan bagi masa depan kini beralih sepenuhnya kepada bahu penjawat awam itu sendiri.

Langkah ini pastinya menimbulkan lebih banyak cabaran pada masa hadapan, terutama bagi generasi muda yang mungkin belum sepenuhnya bersedia dari segi kemampuan kewangan. Berdasarkan keputusan terbaru ini, generasi muda penjawat awam dihadapkan dengan realiti mereka perlu lebih proaktif merancang kewangan.

Mereka harus mengambil langkah pengurusan kewangan berkesan seperti melabur dalam skim simpanan persaraan swasta, mengawal perbelanjaan dan mengambil insurans untuk perlindungan masa depan. Namun, ini semua memerlukan pengetahuan kewangan mendalam dan disiplin konsisten.

Dari sudut pandangan lain, situasi ini juga membuka peluang untuk memberikan pendidikan pe-

ngurusan kewangan lebih baik dalam kalangan generasi muda. Ketika dunia bergerak pantas pada masa kini, penting bagi mereka untuk memahami asas pengurusan kewangan, pelaburan dan perancangan untuk masa depan.

Inisiatif kerajaan dan sektor swasta dalam menyediakan sumber pendidikan serta nasihat kewangan adalah sangat penting dalam membantu generasi muda bersiap sedia mengharungi cabaran ekonomi dan sosial semakin mencabar.

Di samping itu, perubahan dasar kerajaan ini juga dilihat akan mendorong inovasi dalam produk kewangan ditawarkan sektor swasta. Institusi kewangan mungkin perlu mengembangkan produk simpanan dan pelaburan lebih sesuai selaras penawaran gaji semasa negara untuk keperluan ge-

nerasi muda dengan risiko dan pulangan yang seimbang. Inovasi ini penting untuk membantu mereka merancang kewangan untuk masa depan.

Walaupun pemansuhan skim pencen kerajaan membawa cabaran kepada generasi baharu penjawat awam, namun ia satu titik tolak kepada perubahan tatakelola perbelanjaan negara dan juga membuka peluang golongan terbabit menambah ilmu dalam pendidikan kewangan tepat serta akses kepada 'alat' perancangan kewangan sesuai.

Dengan cara ini, mereka dapat membangun masa depan lebih stabil dan terjamin dari segi kewangan. Apa yang penting ialah kesediaan untuk belajar, beradaptasi dan merubah paradigma terhadap landskap kewangan sentiasa berubah mengikut peredaran ekonomi dunia.



BERITA HARIAN
Tarikh.....0.5..FEB..2024...

BH
5/2

PERKESO pastikan kebajikan pekerja rentan tetap terbela

- Program Sinergi Sosial menjadi wadah menggabungkan pelbagai tahap perlindungan sosial iaitu bantuan sosial, insurans sosia dan intervensi pasaran buruh untuk menjadi pusat sehati serba lengkap

- Melalui Sistem Sinergi Sosial, lebih 10,500 prospek berjaya menerima bantuan berdasarkan keperluan dan membantu meningkatkan taraf hidup mereka



Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO

Oleh Dr Mohammed Azman Aziz
Mohammed
bhrencana@bh.com.my

Menurut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (MK12), terdapat hampir 110 program bantuan sosial diselia 20 kementerian dan agensi berbeza di Malaysia. Malah, usaha ini dijayakan institusi berdasarkan sosial dan kebajikan pada peringkat negeri dan kerajaan tempatan.

Kewujudan pelbagai agensi sebenarnya menjadi kekangan keberkesanan keseluruhan program, sehingga mencetuskan ralat membawa kepada isu kecaciran dan perpecahan per-

khidmatan penyampaian kepada penerima manfaat. Cabaran struktur ini mengundang persoalan kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), "adakah terdapat pendekatan untuk menyelaraskan mekanisme bagi keseluruhan rantaian penyaluran bantuan di Malaysia?"

Dalam hal ini, PERKESO bertekad merungkai cabaran menyaksikan ramai pekerja rentan memohon faedah PERKESO, namun tidak menepati kelayakan, disebabkan sekatan liputan untuk pekerjaan tidak formal, tempoh sumbangan dan lain-lain.

Bagaimanapun, pekerja rentan yang sama ini layak mendapat bantuan kerajaan lain seperti daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), institusi zakat dan sebagainya. Selain itu, terdapat ramai pekerja dan ahli keluarga layak mendapat faedah PERKESO tetapi tidak cakna dengan hak dan perlindungan mereka.

Bersandarkan inspirasi daripada pelbagai model di negara maju seperti Australia, Kanada dan

Estonia, PERKESO membangunkan Program Sinergi Sosial - sebuah wadah menggabungkan pelbagai tahap perlindungan sosial iaitu bantuan sosial, insurans sosia dan intervensi pasaran buruh untuk menjadi pusat sehati serba lengkap.

Platform ini menghubungkan pelbagai pengamal keselamatan sosial dalam satu aplikasi dan menyalurkan kes keselamatan sosial dari satu agensi ke agensi lain, demi memastikan orang rentan dibantu dan dilindungi.

Berpegang kepada 'Dasar Pintu Terbuka', rangkaian program ini semakin berkembang dengan 1,100 penyelaras dari 395 institusi, seperti agensi Persekutuan, pemimpin komuniti dan institusi swasta, memastikan seseorang memerlukan bantuan tidak pulang dengan tangan kosong.

Melalui Sistem Sinergi Sosial, lebih 10,500 prospek berjaya menerima bantuan berdasarkan keperluan dan membantu meningkatkan taraf hidup mereka.

“PERKESO mengakui kepentingan mengharmonikan aspek kemanusiaan dalam sokongan sosial, dengan mencari potensi kes dan menyalurkan bantuan”

PERKESO mengakui kepentingan mengharmonikan aspek kemanusiaan dalam sokongan sosial, dengan mencari potensi kes dan menyalurkan bantuan.

Galak sertai Skuad PERKESO Prihatin

Orang ramai digalakkan menyertai Skuad PERKESO Prihatin, pasukan berdedikasi untuk memantau pelbagai saluran maklumat seperti media cetak, elektronik dan media sosial serta menghubungkan individu rentan dengan bantuan yang ada di PERKESO.

Strategi ini mengubah corak pemikiran tradisional PERKESO untuk melangkaui khidmat tuntutan kaunter dan meneroka pendekatan turun ke lapangan bagi menyampaikan bantuan secara langsung.

Di sebalik situasi mencabar dalam sistem perlindungan sosial, wujud juga keperluan meneroka potensi pembaharuan bagi tujuan pengukuhan. Baru-baru ini, Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MYSPO) mengulangi tekadnya untuk memperkuhi Program Sinergi Sosial PERKESO dengan memasukkan program ini dalam kumpulan fokus kerajaan daerah dan tempatan untuk menyelaraskan perkhidmatan perlindungan sosial di peringkat akar umbi.

Tatkala mengorak hala tuju masa depan, aplikasi digital memainkan peranan penting ke arah memudahkan capaian perkhidmatan PERKESO dalam kalangan masyarakat.

Aplikasi PERKESO Prihatin adalah lembaran terakhir transformasi operasi yang berfungsi sebagai pejabat PERKESO ke-55, membolehkan perkhidmatan PERKESO disediakan melalui aplikasi dalam talian.

Aplikasi PERKESO Prihatin berfungsi sebagai pusat maklumat PERKESO, memberikan akses kepada penyata sumbangan dan hak perlindungan untuk pekerja formal dan mereka yang berdaftar sebagai bekerja sendiri.

Dengan pertimbangan keselamatan dan tadbir urus data, PERKESO merancang menyatukan perkhidmatan kewangan dan pelbagai kebajikan sosial ke dalam Aplikasi Prihatin.

Seiring usaha untuk merintis perubahan operasi PERKESO, pelancaran Program Perkongsian Data (PADU) berpotensi menambah lembaran baharu kepada usaha pengukuhan jaringan sosial. Dengan memanfaatkan limpahan maklumat PADU, program Sinergi Sosial dapat memandarkan individu dan isi rumah dengan perkhidmatan sosial, sumber, dan intervensi sesuai secara berkesan.

Integrasi PADU dan Program Sinergi Sosial berupaya menjadi contoh pelaksanaan berpotensi menyelaras dan mengoptimalkan perlindungan sosial, tanpa meminggirkan sesiapa.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



BERITA HARIAN
Tarikh... 05 FEB 2024

SH 5/2 (PBT)

Kuota ahli majlis kukuhkan BN-PH

Persefahaman telah dicapai namun perlu perbincangan lanjut hadapi PRU16

Oleh MOHD AZLIM
ZAINURY
SHAH ALAM

Keputusan akhir berhubung pembahagian kerusi ahli majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu dibuat atas dasar memperkukuh kerjasama dan gerak kerja kerajaan negeri bagi menghadapi Pilihan Raya Umum ke-16 (PRU16).

Ketua Pemuda UMNO Selangor, Datuk Mohd Imran Tamrin ketika dihubungi berkata, perbincangan mengenai perkara itu tidak boleh dilakukan semata-mata untuk memenuhi keperluan atau permintaan jangka masa pendek.

Ujarnya, matlamat paling penting dalam perbincangan atau apa sahaja keputusan yang

dibuat adalah untuk terus mengukuhkan kerjasama antara Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Harapan (PH) bagi berdepan PRU itu.

"Kita perlu garap kekuatan dan kelebihan yang ada pada dua-dua parti untuk memastikan segala panduan Kerajaan Per-

paduan di Selangor boleh disampaikan kepada rakyat, sejourus memberi kelebihan dalam tadbir urus negeri mahu pun hal ehwal rakyat," katanya pada Ahad.

Terdahulu, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari dilaporkan media berkata, persefahaman telah dicapai antara PH dan BN Selangor dalam isu kuota ahli majlis PBT, cuma perkara itu perlu 'dibincangkan lebih lanjut' untuk memuktamadkan keputusan.

Menyifatkan ia sebagai satu perkara biasa, Pengerusi PH Selangor itu turut berkata, hal itu boleh diselesaikan dengan mudah berikutan wujud persefaha-



MOHD IMRAN

man antara semua pemimpin parti yang terlibat.

Pada 20 Januari lalu, UMNO Selangor menyerahkan kembali kuota 20 jawatan ahli majlis PBT di negeri itu kepada PH.

Menolak andaian tindakan itu sebagai merajuk, Pengerusi UMNO Selangor, Datuk Megat

Zulkarnain Oмарdin berkata, UMNO Selangor akan memberi tumpuan kepada 373 Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung yang dilantik di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

Beliau antara lain turut menafikan dakwaan UMNO tamak atau tidak sedar diri mahupun mendesak PH untuk memberikan jawatan kepada parti berkenaan.

Mengulas lanjut, beliau mengakui walaupun pembukaan kuota ahli PBT kepada BN pada masa ini ialah hak kerajaan negeri, namun UMNO Selangor tetap dengan pendiriannya sebagaimana diumumkan Pengerusi UMNO Selangor pada bulan lepas.



SINAR HARIAN

Tarikh: 05 FEB. 2024...

Kenakan cukai pintu kepada penduduk kampung tidak adil

SH 5/2

KUALA SELANGOR - Kerajaan negeri Selangor digesa meneliti semula pengecualian cukai taksiran tidak secara automatik kepada pemilik rumah di kampung baru, kampung Melayu dan kampung nelayan yang disifatkan berat sebelah dan tidak adil.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jeram, Datuk Harrison Hassan berkata, kerajaan negeri seharusnya meneruskan dasar sedia ada sama seperti pengecualian cukai taksiran bagi rumah kos rendah yang kebanyakannya berada di kawasan bandar.

"Kita tahu di kawasan bandar B40 yang tinggal di rumah kos rendah dikecualikan cukai taksiran, tetapi bagaimana pula di kawasan kampung?"

"Betul pendapatan isi rumah berbeza di bandar dan kampung bagi kategori B40, namun kalau kita wujudkan *double standard* begini, bagi saya ia tidak adil dan harus ditangguhkan dahulu pelaksanaannya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Perasmian Karnival Kesihatan dan Keselamatan Alam Suria 5A2 Puncak Alam di Pekarangan

Surau Al Ikhlas di sini pada Ahad.

Harrison memberitahu, kerajaan negeri seharusnya mengadakan sesi dialog awam dan kajian menyeluruh sebelum ia dilaksanakan.

"Saya sendiri terima banyak luahan dan aduan daripada penduduk kampung yang tidak puas hati dengan pelaksanaan cukai taksiran di kawasan kampung," jelas beliau.

Beliau memberitahu, salah satu faktor yang menyumbang kepada ketidakadilan adalah dari segi penyediaan perkhidmatan perbandaran di kawasan kampung berbanding mereka yang menetap di bandar.

Mengambil contoh di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS), Harrison menjelaskan, tiada kerja-kerja khidmat perbandaran dilakukan di kawasan kampung.

"Adakah ia adil untuk kerajaan negeri mengenakan cukai taksiran sedangkan perkhidmatan perbandaran tidak sampai ke peringkat kampung?"

"Saya memohon kerajaan negeri tangguh atau melihat semula perkara ini dengan lebih mendalam sebelum ia dilaksanakan," tegas beliau.



HARRISON

SINAR HARIAN
Tarikh: 05 FEB 2024

Wajarkah tiada skim pencen?



PERSPEKTIF

SAFIAH OMAR

Kenyataan yang dikeluarkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi barubaru ini merupakan satu tamparan besar kepada pekerjaan di sektor kerajaan. Walaupun ia bukanlah satu perkara yang baharu kita dengari, namun keputusan yang diumumkan ini boleh memberi impak yang tinggi kepada satu sektor pekerjaan paling besar di Malaysia. Terlebih dahulu, pada tahun 2020, kerajaan telah pun menjalankan dasar memberhentikan elaun kritikal yang sebelumnya diberikan kepada kakitangan kerajaan sektor penting seperti perubatan dan perundangan.

Akan tetapi, keputusan itu membebaskan lantikan baharu sektor-sektor tersebut kerana tanpa kelebihannya dari segi manfaat seperti elaun kritikal dan sebagainya, sektor swasta dilihat lebih menarik kerana bayaran dan elaun mereka adalah lebih tinggi. Ini menyebabkan ramai pegawai perubatan serta pe-

guam sektor awam ini memilih untuk bertukar kepada sektor swasta dan ada juga yang membuka syarikat firma dan klinik mereka sendiri. Terkini, keputusan kerajaan untuk tidak menawarkan lagi skim berpencen kepada seluruh kakitangan awam lantikan baharu merupakan satu keputusan yang amat membimbangkan. Beberapa faktor yang perlu dilihat adalah dari segi gaji yang lebih rendah daripada sektor swasta, manfaat yang berkurang, serta keterjaminan kehidupan untuk masa akan datang.

Ada pendapat yang mengatakan bahawa wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) boleh menampung kehidupan pekerja selepas bersara. Namun begitu, masih terdapat masalah kekurangan wang saraan KWSP yang tidak mencapai jumlah sasaran minimum RM240,000. Ada juga masalah pesara yang tidak mempunyai kemahiran dalam menguruskan wang KWSP yang mana kesemua wang tersebut habis dalam hanya dua hingga tiga tahun sahaja.

Seterusnya, jawatan-jawatan di sektor kerajaan dilihat sebagai pekerjaan yang memberikan jaminan serta keistimewaan dengan skim berpencen. Di sebabkan itu, kakitangan awam memilih untuk bekerja di sektor kerajaan walaupun mereka tahu gaji yang diberikan adalah kurang daripada sektor swasta.

“

Keputusan kerajaan untuk tidak menawarkan lagi skim berpencen kepada seluruh kakitangan awam lantikan baharu merupakan satu keputusan yang amat membimbangkan.”

Ini kerana, mereka tahu bahawa pekerjaan di sektor kerajaan ini boleh memberikan manfaat kepada mereka di masa hadapan iaitu setelah mereka mencapai usia persaraan. Manfaat pencen ini juga memberikan motivasi dan semangat kakitangan awam untuk bekerja dengan baik dan ada juga yang sanggup bekerja lebih masa walaupun tidak diberikan bayaran untuk kerja lebih masa.

Kita juga harus lihat industri atau sektor pekerjaan awam yang kritikal seperti tentera, polis, bomba dan yang lain sebagainya yang mana gaji pegawai rendah tidak membolehkan caruman KWSP mereka cukup untuk menampung mereka di usia persaraan. Tentera juga ada yang perlu bersara

secara wajib pada usia muda sekitar umur 40-an yang mana mereka masih mempunyai anak-anak yang perlu ditanggung untuk pembelajaran mereka.

Tanpa skim pencen, bagaimana golongan ini boleh menampung kehidupan mereka sedangkan pada ketika ini ramai pesara muda tentera yang terpaksa bekerja sebagai pemandu lori, pemandu teksi, serta kerja-kerja lain bagi menampung kelangsungan kehidupan mereka.

Perubahan dasar skim pencen ini harus dikaji semula dan dibincangkan dengan badan-badan tertentu seperti Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) dan sebagainya dan perlu diadakan sesi libat urus bersama kakitangan awam secara terbuka supaya dapatan dari perbincangan tersebut boleh memberikan solusi yang lebih baik.

Tentu sekali skim pencen boleh dihentikan, namun waktunya belum sesuai dengan keadaan ekonomi sekarang, serta kekurangan kemahiran pekerja dalam menguruskan wang KWSP secara baik.

* Dr Safiah Omar ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya

SINAR HARIAN
05 FEB 2024
Tarikh:



Ringgit dijangka mengukuh sedikit berbanding dolar AS pada minggu ini.

MATA WANG

Ringgit diunjur mengukuh sedikit

SH 5/L

Berbanding dolar AS pada minggu ini

KUALA LUMPUR

Ringgit diunjur menyaksikan urus niaga dalam julat kecil dan mengukuh sedikit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) pada minggu ini ketika unit tempatan itu masih dalam kedudukan terlebih jual, kata penganalisis.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, ringgit dijangka diniagakan pada paras RM4.71 hingga RM4.72 berbanding dolar AS dalam senario pelabur memberi reaksi terhadap data penggajian bukan perladangan AS pada Jumaat.

Pada masa sama, katanya, pihak Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) bertindak menyemak naik unjuran

pertumbuhan global daripada 2.9 peratus kepada 3.1 peratus.

"Ini bermakna penurunan pertumbuhan global adalah sebaliknya, sekali gus melenyapkan kebimbangan mengenai pertumbuhan lebih perlahan apabila kadar faedah global mungkin pada trajektori lebih rendah," katanya kepada *Bernama*.

Pada Rabu lalu, pihak Rizab Persekutuan AS (Fed) memutuskan untuk mengekalkan kadar faedah utama negara maju itu pada 5.50 peratus.

Mengulas selanjutnya, Mohd Afzanizam menyifatkan keputusan Fed itu menunjukkan kemungkinan penurunan kadar faedah ditangguhkan kepada Jun.

Malah, walaupun naratif penurunan kadar faedah itu kekal ketara, ini sebaliknya menjadi satu perkembangan positif terhadap mata wang negara-negara sedang pesat membangun.

Dalam pada itu, urus niaga pada minggu dagangan singkat ini menyaksikan ringgit diniagakan bercampur-campur berikutan sentimen menjelang keputusan dasar kadar faedah global.

Bagi asas Jumaat ke Jumaat, ringgit diniagakan lebih tinggi berbanding dolar AS pada 4.7155/7185 berbanding 4.7275/7325 pada minggu sebelumnya.

Unit tempatan itu bagaimanapun diniagakan lebih rendah berbanding mata wang utama lain, termasuk susut berbanding yen Jepun kepada 3.2142/2164 daripada 3.1988/2024 pada minggu sebelumnya.

Ringgit juga rendah berbanding pound Britain kepada 6.0160/0199 daripada 6.0120/0183 dan turun berbanding euro kepada 5.1352/1384 berbanding 5.1279/1333.

Dalam pada itu, ringgit diniagakan rendah berbanding beberapa mata wang Asean lain.

Ringgit rendah berbanding dolar Singapura kepada 3.5309/5334 daripada 3.5267/5307 seminggu lepas dan turun berbanding baht Thailand kepada 13.3735/3873 daripada 13.2679/2879.

Berbanding rupiah Indonesia, ringgit turun pada 301.0/301.4 daripada 298.7/299.1 dan rendah berbanding peso Filipina kepada 8.43/8.44 daripada 8.39/8.41 pada minggu lepas.

SINAR HARIAN

Tarikh: 05 FEB 2024